

MEMBACA SUMBER MENULIS SEJARAH: SURAT ZAKARIA GUNN SEBAGAI BAHAN PENELITIAN PERGERAKAN PARTI KEBANGSAAN MELAYU DI SABAH

Eko Prayitno Joko

Zaini Othman

Saat Awg Damit

Ramli Dollah

Md. Saffie Abd Rahim

Mohamad Haziq Ikhwan Mohd Rudzainoor,

Jasmi Mhd Nasier

ekoprayitnojoko@gmail.com

ABSTRAK

Keinginan manusia untuk mengungkapkan kembali masa lalu dalam upaya memahami masa lalu tersebut bukanlah suatu perkara baru. Keadaan ini disebabkan, keberadaan masa lalu hanya dapat diungkapkan melalui pengumpulan sumber sejarah. Dalam hal ini, sumber memainkan peranan penting untuk menjelaskan berkenaan sesuatu peristiwa berdasarkan penemuan daripada sumber sejarah. Keberadaan sumber sejarah akan memungkinkan sejarawan menghasilkan penulisan yang tepat dan lebih objektif sifatnya. Oleh sebab itu, sejarawan harus mencari, mengumpul dan memastikan sumbernya kerana dengan sumber sejarawan berharap dan dengan sumber juga sejarawan mendapatkan fakta untuk menghasilkan penulisannya. Kebergantungan sejarawan kepada sumber dalam menghasilkan penulisannya dapat diperhatikan apabila telusuran terhadap perkembangan politik awal Sabah selepas Perang Dunia Kedua diperhatikan keberadaannya. Ternyata, tempoh masa terbabit adalah kesenjangan nyata dalam memahami dan mengungkapkan kembali perkembangan politik awal di Sabah sehingga timbul kenyataan daripada sarjana Barat bahawa selepas Perang Dunia merupakan zaman ketandusan politik masyarakatnya. Walau bagaimanapun, tesis ini tampaknya dapat direkonstruksi semula bersandarkan kepada surat peribadi Zakaria Gunn yang membuktikan bahawa sudah terdapat penentangan secara berorganisasi dalam kalangan masyarakat Sabah yang terpengaruh dengan perkembangan politik di Tanah Melayu dan Brunei untuk memerdekaan negeri mereka daripada British. Justeru itu, artikel ini akan mengangkat kepentingan sumber dalam mengungkapkan masa lalu khususnya perkembangan politik awal Sabah selepas Perang Dunia Kedua.

Kata Kunci: Sumber Dokumen, Sejarah Sabah, Sejarah Politik, Zakaria Gunn.

Pengenalan

Persoalan mengenai perkembangan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat yang dijajah merupakan suatu aspek yang sering ditelusuri oleh para sarjana. Salah satu daripada negara yang sering mendapat tempat dalam membincangkan berkenaan perkembangan semangat nasionalisme masyarakatnya adalah Malaysia yang terbentuk melalui penggabungan beberapa wilayah iaitu Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Antara keempat-empat wilayah ini, pemusatan berkenaan aspek nasionalisme ditumpukan kepada Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak sedangkan kedudukan Sabah jauh daripada yang diharapkan. Kedudukan ini secara tidak langsung mempengaruhi pemahaman berkenaan perkembangan semangat nasionalisme bumiputera Islam di Sabah khususnya selepas Perang Dunia Kedua. Walhal, sekiranya ditelusuri secara terperinci, ternyata persoalan nasionalisme masyarakatnya juga tidak jauh berbeza dengan kesedaran kebangsaan masyarakat di ketiga-tiga wilayah yang disebutkan. Malahan, lebih dari itu, persoalan nasionalismenya juga ternyata berkaitan secara langsung dengan perkembangan nasionalisme di wilayah terbabit yang disatukan melalui kewujudan Parti Kebangsaan Melayu Sabah (PKMS) cawangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Walau bagaimanapun sehingga kini, kurang kajian terperinci berkenaan kewujudan pertubuhan tersebut menyebabkan perjuangannya tidak diketahui umum yang secara tidak langsung menimbulkan tanggapan bahawa era selepas Perang Dunia Kedua di Sabah merupakan zaman ketandusan politik dalam kalangan masyarakatnya. Oleh itu, penulisan ini akan mengetengahkan keberadaan PKMS dalam konteks politik Sabah bersandarkan kepada surat-surat peribadi Zakaria Gunn, sekaligus mampu memberikan sudut pandang baru dalam memahami kedudukan semangat nasionalisme masyarakat Sabah dalam konteks Malaysia.

Membaca Sumber Menulis Sejarah

Kebenaran dalam sejarah hanya dapat diungkapkan melalui pengumpulan sumber-sumber sejarah. Sumber sejarah seringkali disebut juga sebagai ‘data sejarah’. Perkataan ‘data’ merupakan bentuk jamak dari bahasa Latin iaitu ‘*datum*’ yang membawa maksud ‘pemberitaan’.² Menurut Muhd Yusuf

Ibrahim sumber sejarah merupakan suatu yang boleh menjadi punca atau penyebab kepada lahirnya sesuatu pemikiran atau penulisan³ manakala R.G. Collingwood menyatakan sumber sebagai suatu teks yang mengandungi kenyataan atau pun kenyataan-kenyataan berkenaan sesuatu peristiwa sejarah.⁴ Sejarawan Louis Gottschalk⁵ pula memberikan pengertian sumber sebagai bahan bukti yang wujud dalam bentuk tulisan, catatan, dan juga saksi utama kepada sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku. Sumber juga boleh diibaratkan sebagai sekumpulan bahan yang tersimpan di Arkib, Muzium, Perpustakaan, Istana dan sebagainya serta boleh dijadikan bahan rujukan untuk tujuan penyelidikan dalam semua bidang keilmuan.⁶ Oleh sebab itu, sumber tidak hanya terhad kepada ilmu sejarah sahaja tetapi juga boleh digunakan oleh pelbagai disiplin ilmu yang lain seperti Arkeologi, Antropologi Sosiologi, Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa.

Dalam disiplin ilmu sejarah, sumber memainkan peranan yang penting untuk menjelaskan berkenaan sesuatu peristiwa. Sejarah sebagai suatu peristiwa yang terjadi pada masa lampau hanya dapat diungkapkan kembali oleh ahli sejarah berdasarkan penemuan daripada sumber-sumber sejarah. Keberadaan sumber-sumber sejarah akan memungkinkan seseorang ahli sejarah menghasilkan suatu penulisan yang lebih tepat dan lebih objektif sifatnya.⁷ Hal ini kerana, sumber dalam penulisan sejarah adalah berbeza sifatnya dengan penulisan karya kreatif. Sumber sejarah adalah suatu aspek hakiki yang amat dititikberatkan oleh ahli sejarah. Tanpa sumber, ahli sejarah tidak dapat menghasilkan pensejarahannya dan begitu jugalah dengan keadaan sasterawan tanpa ilham, maka ia akan terkapai-kapai dalam menghasilkan karyanya.⁸ Oleh sebab itu, sejarawan harus mencari, mengumpul dan memastikan sumbernya kerana kepada sumberlah ia berharap dan kepada sumberlah ia menghasilkan penulisannya. Pada masa yang sama kepada sumberlah juga ia bergantung untuk mendapatkan faktanya.

Ketaksuban sejarawan kepada sumber sejarah dalam persoalan ‘kebenaran’ sejarah terlihat jelas apabila golongan positivis tampil melaungkan slogan ‘*no document, no history*’.⁹ Tanggapan ini yang dipopularkan oleh Charles Victor Langois dan Charles Seignobos dari Universiti Sorbone, Perancis berpendapat tiada satu pun yang boleh menggantikan fungsi sumber bertulis untuk melakukan rekontruksi masa lalu.¹⁰ Golongan ini yang

dipimpin oleh Leopold Von Ranke lahir atas kesedaran sejarah sebagai ilmu menganggap tugas akhir sejarawan hanyalah untuk menghadirkan ‘sejarah seperti seadanya’ (*wie es eigentlich gewesen*).¹¹ Gagasan Ranke ini berjaya memukau ramai sejarawan di Eropah ketika itu yang kebanyakannya datang ke Jerman untuk berguru dengan beliau. Golongan ini yang berpegang kepada aliran positivisme meletakkan peranan dokumen sebagai sumber sejarah yang otentik dengan meluruhkan aspek ikatan primodial, politik, bahasa dan lain-lain yang dianggap dapat menjerumuskan sejarawan kepada unsur subjektiviti.

Umumnya, golongan ini juga menekankan dasar pemahaman mereka bahawa sejarah adalah sains, maka aspek yang perlu dititikberatkan adalah fakta-faktanya, sebelum rumusan mengenai sesuatu peristiwa dilakukan. Paksi pemahaman mereka terhadap sejarah sebagai sains semakin terserlah sifatnya apabila J.B Bury mengungkapkan kalimat ‘sejarah adalah sains, tidak lebih dan tidak kurang’. Dalam hal ini, aliran positivis sejarah meletakkan pemisahan antara subjek dan objeknya yang akhirnya dipercayai mampu menghasilkan sejarah yang objektif. Oleh sebab itu, golongan ini sedaya upaya meletakkan penghasilan penulisan sejarah berdasarkan kepada tradisi ‘biarkan fakta berbicara atas dirinya sendiri’. Keinginan mereka disandarkan kepada keberadaan fakta-fakta sejarah yang tersimpan di arkib sebagai tonggak utama penulisan sejarah. Dengan itu, sejarawan yang berpegang kepada aliran ini sangat menitikberatkan keberadaan sumbernya sehingga menganggap tiada satu pun yang dapat menggantikan fungsi sumber bertulis untuk melakukan rekontruksi masa lalu.¹²

Walhal, menurut Henk apabila difahami secara sedar sifat sejarah itu sendiri yang dapat dihadirkan sebagai ‘sejarah tentang apa yang terjadi’ dan ‘sejarah tentang apa yang dikatakan terjadi’ dalam upaya memahami masa lalu, maka timbul persoalan bahawa kemungkinan besar keinginan Ranke untuk mempersempahkan sejarah ‘seperti seadanya’ sukar untuk direalisasikan. Keadaan ini disebabkan sejarah dapat dihadirkan sebagai ‘suatu catatan’ atau sebagai ‘suatu keadaan’ yang umumnya masih menjadi pertarungan tanpa akhir dalam kalangan sejarawan.¹³ Namun, apabila ditelusuri pemahaman Gilbert J. Garraghan berkenaan sifat sejarah seolah-olah mampu merealisasikan keinginan Ranke berdasarkan pembahagiannya kepada tiga konsep utama sejarah yang berlainan, tetapi saling berkaitan iaitu (i) peristiwa masa lampau

manusia yang benar-benar pernah terjadi (ii) rakaman mengenai masa lampau dan (iii) proses atau teknik untuk memahami peristiwa masa lampau. Hal ini bermakna, di samping bersifat sejarah sebagai ‘suatu peristiwa’ dan sebagai ‘suatu cerita’, sejarah juga umumnya adalah ‘suatu ilmu’.¹⁴

Namun, kedudukan sejarah sebagai suatu ilmu ini juga tampaknya tidak dapat menjamin bahawa masa lalu dapat dihadirkan seperti seadanya. Keraguan ini tampaknya hadir apabila gesaan Ranke untuk menghadirkan masa lalu seperti seadanya mula ditinggalkan pada abad ke-20 dengan munculnya sejarawan-sejarawan yang mempersoalkan kemampuan penulisan sejarah secara objektif. Golongan ini yang dipelopori oleh Charles Beard dan Carl Becker dari Amerika Syarikat menyatakan kebenaran sejarah bukanlah bersifat objektif, sebaliknya bersifat relatif. Pertentangan dalam memahami ilmu sejarah antara golongan positivis dan relatif ini yang akhirnya menghasilkan penulisan sejarah yang subjektif sifatnya. Kemunculan golongan relatif ini bertitik tolak daripada kesedaran akan hakikat sejarah sebagai suatu peristiwa masa lalu yang tidak pernah lengkap. Pada dasarnya, golongan relatif percaya bahawa fakta-fakta sejarah tidak pernah ditemui dalam keadaan lengkap, apatah lagi murni. Oleh sebab itu, pemahaman tentang masa lalu bukanlah tentang masa lalu itu sendiri, tetapi suatu yang difikirkan terjadi oleh sejarawan. Perkara ini selari dengan pendapat Becker bahawa ‘fakta-fakta sejarah tidak wujud bagi mana-mana ahli sejarah sehinggalah dia mewujudkannya.¹⁵

Pemahaman akan sejarah yang subjektif sifatnya dalam konteks pemahaman sejarah sebagai ‘suatu ilmu’ mencapai kemuncaknya melalui penulisan R.G. Collingwood tentang falsafah sejarah. Beliau menyatakan bahawa semua ‘sejarah adalah sejarah pemikiran’ kerana sejarah merupakan pembentukan semula dalam fikiran sejarawan tentang sesuatu peristiwa sejarah yang sedang dikajinya. Argumen beliau berdasarkan kepada konsep bahawa masa lalu yang dikaji oleh sejarawan bukanlah suatu masa lampau yang telah mati, tetapi masa lampau yang dari beberapa aspek masih hidup dalam konteks masa kini. Akan tetapi, sesuatu tindakan manusia pada masa lalu itu sudah mati walaupun telah ditemui oleh sejarawan, kecualilah sejarawan berjaya memahami pemikiran disebalik tindakan manusia tersebut.¹⁶ Dengan itu, Collingwood berpendapat bahawa suatu yang lebih

penting dalam konteks penulisan sejarah adalah soal pentafsiran dalam menjelaskan masa lalu kerana sudah jelas fakta-fakta sejarah yang ditemui oleh sejarawan tidak akan pernah lengkap.

Walau bagaimanapun, keinginan sejarawan untuk menghuraikan tentang apa itu kebenaran sejarah bukanlah suatu perkara mudah. Kesukaran ini telah dipertunjukkan dari era sejarawan klasik yang dipimpin oleh Herodotus (Bapak Sejarawan Klasik), sebelum ditemukan sejarawan profesional oleh Ranke (Bapak Sejarawan Modern) sehingga kemunculan sejarawan relativis menunjukkan kebenaran sejarah yang ditentukan oleh sumber-sumbernya tidak pernah mutlak. Keadaan ini disebabkan, kebenaran sejarah bukan sahaja bergantung kepada kedudukan sejarawan dan keberadaan sumber sejarah yang sering diperdebatkan oleh aliran positivis dan relativis dalam sejarah, tetapi juga sangat ditentukan oleh sifat penghasilan sejarah itu sendiri yang merupakan ‘permainan kekuasaan dalam penyusunan cerita-cerita alternatif melalui penciptaan fakta mahupun sumber sejarah’.¹⁷ Umumnya, terdapat dua faktor yang memungkinkan perkara ini terjadi iaitu pembentukan pengetahuan sejarah yang bergantung kepada penguasaan terhadap sejumlah sumber di arkib oleh pihak pemerintah dan keinginan untuk melihat sejarah sesebuah negara ‘dari sudut pandang orang dalam’.¹⁸

Memikir-ulang Historiografi Politik Awal Sabah

Kebelakangan ini peralihan dalam pensejarahan Sabah dari sejarah politik kepada sejarah sosial sememangnya sangat diraihkan memandangkan kemampuannya untuk mengangkat ‘sejarah dari bawah’ yang sekian lama terabaikan secara sengaja. Perubahan sudut pandang dan dimensi pemikiran dalam memerhatikan fenomena sosial yang pernah muncul di Sabah sudah pasti dapat mengetengahkan peranan penting yang dimainkan oleh masyarakat biasa terhadap perkembangan sejarah negeri tersebut. Walau bagaimanapun, perubahan yang semakin mendapat tempat ini seharusnya tidak meninggalkan terus penulisan sejarah politik Sabah kerana kepentingan tertentu juga dapat dimunculkan selaras dengan kedudukannya yang seringkali berganti pemerintah dari ideologi yang berlainan. Dalam hal ini, ternyata kajian sejarah politik Sabah era pasca kolonial telah banyak dilakukan, namun istimewanya sejak kebelakangan ini maklumat sedia ada telah diperkayakan lagi melalui

interpretasi baru daripada sejarahwan mahupun sosial saintis. Keadaan ini menunjukkan perbahasan berkenaan aspek politik pasca kolonial telah lama berlangsung dan banyak dihasilkan dalam bentuk penulisan sehingga mengubah sifatnya dari bersifat ‘seragam’ kepada ‘pelbagai ragam’.

Ironinya kelihatan apabila pengkajian dilakukan terhadap sejarah politik Sabah era kolonial yang mengkhususkan kepada perjuangan menentang British. Permasalahan dalam penulisan sejarah Sabah era tersebut adalah disebabkan kekurangan sumber dokumen yang dapat menelusuri secara terperinci berkenaan penglibatan masyarakat tempatan melawan British. Keadaan yang berlaku diberatkan lagi apabila individu yang memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat kebangsaan dan bertindak menentang British kebanyakannya telah pergi tanpa sempat ditemubual pengalaman bersifat kebangsaan mereka. Oleh sebab itu, era kolonial merupakan kesenjangan nyata dalam penulisan sejarah politik Sabah yang masih berkesinambungan sehingga kini. Menyedari perkara yang berlaku, maka keberadaan sumber sejarah yang masih tertinggal harus dicari dan dimunculkan kepada masyarakat agar pemahaman terhadap kesalafahan dan ketidakjelasan terhadap sejarah politik era ini dapat dikurangkan sifatnya.

Hakikat yang berlaku ini bukanlah suatu retorik yang sengaja diciptakan, memandangkan kebanyakan buku sejarah berkaitan perkembangan politik Sabah yang dihasilkan lebih menjurus kepada era selepas pembentukan Malaysia direalisasikan. Secara tidak langsung, kecenderungan tersebut lebih banyak menonjolkan peranan daripada ‘orang-orang besar’ seperti Tun Datu Mustapha dan Tun Fuad Stephen, seolah-olah mereka sahajalah individu penting disebalik perjuangan memerdekakan negeri Sabah. Sememangnya diakui bahawa kedua-dua tokoh terbabit mempunyai sumbangan besar dalam perjuangan politik Sabah khususnya dalam merealisasikan pembentukan Malaysia, namun perlu juga diketahui bahawa terdapat kelompok lain yang mendahului mereka dalam usaha memerdekakan negeri ini daripada penjajahan British. Umumnya, kelompok ini terdiri daripada golongan yang dekat dengan kesusteraan seperti Tengku Noordin, Zakaria Gunn dan Abu Bakar Ahmad serta keagamaan seperti Mandur Syarif, Imam Suhaili dan Imam Awang Sahari yang tidak berlebihan untuk disamakan kedudukannya dengan kedua-dua tokoh tersebut. Kewajaran ini dapat dilihat dari aspek penglibatan

mereka dalam politik awal Sabah yang merupakan teras kepada perjuangan secara berorganisasi masyarakatnya dalam menentang British.

Sekiranya di Tanah Melayu perjuangan orang Melayu menentang British secara berorganisasi telah didahului oleh golongan kiri yang bergiat aktif dalam pergerakan kebangsaan menentang British melalui Parti Komunis Malaya (PKM), Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), di Sabah pula golongan ini diwakili oleh kelompok tersebut yang terlibat dengan Parti Kebangsaan Melayu (PKM), Barisan Pemuda (BARIP) serta pertubuhan keagamaan yang bersifat kedaerahan. Perbezaannya, penulisan berkenaan golongan kiri di Tanah Melayu sudah banyak menghuni buku-buku sejarah di Malaysia, walaupun belum berada pada kedudukan yang sepatutnya. Keadaan ini berlainan dengan golongan kiri di Sabah yang sehingga kini belum ditulis secara terperinci menyebabkan sumbangan mereka kurang diketahui oleh masyarakatnya. Justeru itu, penulisan ini mampu menelusuri peranan penting yang dimainkan oleh kelompok tersebut semasa era kolonial agar sejarah politik awal Sabah yang sekian lama bersifat ‘seragam’ akan menjadi ‘pelbagai ragam’ melalui keberadaan surat-surat peribadi Zakaria Gunn yang terlibat dalam pergerakan bercorak kebangsaan di negeri Sabah.

Nasionalisme Awal di Sabah – Suatu Pendefinisian Yang Beragam

Ketertarikan para sarjana dalam memerhatikan fenomena sosial berkenaan perkembangan semangat nasionalisme sesebuah negara bekas jajahan dituruti dengan kepelbagaian pendefinisian berkenaan konsep nasionalisme itu sendiri. Walaupun, nasionalisme mempunyai kepelbagaian makna yang kompleks, namun pendefinisian mengenainya dapat diperhatikan secara jelas bersandarkan dua sudut pandang iaitu berpaksikan kepada (i) antropologi dan (ii) politik. Dari sudut pandang antropologi, makna nasionalisme mendapat tempatnya melalui penulisan Anderson yang menyatakan bahawa nasionalisme merupakan sebahagian daripada sistem budaya yang mencakupi persoalan kesetiaan, emosi, perasaan kepada bangsa dan negara serta perasaan memiliki bangsa dan negara tersebut. Dalam hal ini, Anderson memandang nasionalisme sebagai suatu idea atas komuniti yang terbayangkan. Pada tanggapan beliau, komuniti terbayangkan hadir kerana setiap anggota dari

suatu bangsa yang kecil sekalipun tidak mengetahui seluruh anggota dari bangsa tersebut. Nasionalisme hidup dari bayangan fikiran tentang komuniti yang sentiasa hadir di benak fikiran setiap anggota masyarakat yang menjadi rujukan identiti sosial.¹⁹ Oleh itu, suatu bangsa dapat dibentuk apabila sejumlah masyarakat dalam suatu komuniti ingin menetapkan diri sebagai suatu bangsa yang mereka bayangkan. Perkara ini selari dengan pendapat Ernest Renan yang menganggap bahawa unsur utama dalam pembentukan suatu bangsa adalah ‘keinginan untuk bersatu’.²⁰

Dari sudut pandang politik pula dapat ditelusuri melalui penulisan Kohn yang menyatakan nasionalisme sebagai ‘satu keadaan fikiran yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk ke dalam jiwa semua anggotanya, mereka mengiktiraf negara bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Oleh itu, kesetiaan ulung manusia adalah tertumpu kepada bangsanya kerana kehidupannya sendiri adalah dipercayai berdasarkan kepada dan dimungkinkan oleh kebajikan bangsanya’.²¹ Melalui pendefinisian dari sudut politik ini, prinsip-prinsip yang digariskan adalah kebebasan, kesatuan, keadilan dan keperibadian yang menjadi orientasi sebuah negara bangsa.²²

Namun, dalam konteks penjajahan di Asia Tenggara, nasionalisme seringkali didefinisikan sebagai satu kesedaran yang membangkitkan semangat dengan tujuan untuk mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan.²³ Keadaan ini selari dengan kebangkitan masyarakat terjajah daripada belenggu penjajahan Barat (kuasa Eropah) dan Timur (Jepun) yang mengimpikan kemerdekaan penuh wilayah mereka mengikut bentuk pilihan mereka sendiri. Oleh sebab itu, abad ke-20 di Asia Tenggara sering disebut sebagai ‘abad nasionalisme’ kerana munculnya pemikiran tentang nasionalisme dan gerakan membentuk negara bangsa. Kesedaran masyarakat di setiap negara di Asia Tenggara ini pula tidak berlangsung secara serentak, sebaliknya diuarai oleh masyarakat Indonesia yang bangkit menentang penjajahan di wilayah mereka.²⁴

Pergerakan nasionalisme di Indonesia dicorakkan dengan pelbagai warna sebagai matlamat akhir pembinaan negara bangsanya. Kepelbagaiannya ini adalah berkaitan secara langsung dengan makna nasionalisme yang mereka

perjuangkan. Dalam hal ini, makna nasionalisme tersebut dapat ditelusuri melalui paksi (i) Agama-Islam, (ii) Sosialis-Komunis dan (iii) Nasional. Paksi-paksi perjuangan ini yang kemudiannya memunculkan pertubuhan mahupun persatuan bercorak politik seperti Budi Oetomo, Sarekat Islam (SI), Parti Komunis Indonesia (PKI) dan Parti Nasionalis Indonesia (PNI) yang setiap satunya mempunyai matlamat berbeza dalam membentuk negara bangsanya. Setiap paksi ini mempunyai pendokongnya tersendiri dan kadangkala meresapi antara satu dengan yang lainnya. Perkara ini terlihat jelas apabila SI yang pada awalnya menggunakan ajaran Islam sebagai wadah perjuangan kemudiannya telah dipengaruhi oleh PKI menyaksikan pertubuhan tersebut berpecah menjadi SI Putih dan SI Merah. Begitu pula dengan perjuangan Sukarno melalui PNI pada akhirnya melaksanakan dasar Nasionalis, Agama dan Komunis (NASAKOM) dalam menyatupadukan masyarakat di Indonesia yang terdiri daripada pelbagai kecenderungan Ideologi.

Walau bagaimanapun, perjuangan yang dilakukan di Indonesia ini bukan sahaja berlangsung di negeri tersebut, tetapi juga telah tersebar luas sehingga ke negara jirannya. Salah satu daripada wilayah terbabit yang terkesan dengan bentuk ideologi dan corak perjuangan di Indonesia adalah masyarakat di Tanah Melayu.²⁵ Sekiranya penelusuran terhadap perjuangan nasionalisme di wilayah ini dilakukan, ternyata ianya juga berpaksikan kepada (i) Agama-Islam, (ii) Sosialis-Komunis dan (iii) Nasional. Setiap paksi yang diperjuangkan ini dapat dikaitkan secara langsung dengan pejuang di Indonesia melalui kemunculan gerakan Pan Islamisme-Kaum Muda, Kesatuan Melayu Muda (KMM), Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Parti Komunis Malaya (PKM). Gerakan yang bersifat anti-kolonial ini bermatlamat untuk membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah²⁶ dan kemudiannya berkembang sehingga ke Kepulauan Borneo. Walau bagaimanapun, apabila membicarakan berkenaan kemunculan semangat nasionalisme di ketiga-tiga wilayah tersebut yang kini dikenali sebagai Malaysia, ternyata pusat penceritaannya masih berkiblatkan kepada Tanah Melayu dan Sarawak semata-mata.

Namun, dalam konteks perkembangannya di Sabah amat kurang dikaji sehinggakan beberapa penulisan sarjana Barat seperti K.G Tregonning²⁷ dan M.C. Roff²⁸ menyatakan zaman sebelum Perang Dunia Kedua dan tahun

awal selepas Perang Dunia Kedua merupakan zaman ketandusan politik di negeri tersebut. Tanggapan ini yang sekian lama menghuni buku-buku sejarah, tampaknya turut diterima kebenarannya oleh sarjana tempatan seperti yang dikemukakan oleh Ahmad Adam bahawa kelambatan kemunculan kesedaran politik di Sabah mungkin disebabkan oleh kurangnya kegiatan persuratkhabaran peribumi seperti yang terdapat di Semenanjung, Singapura, Pulau Jawa, Sumatera, Sulawesi dan Kalimantan Indonesia.²⁹ Premis ini merupakan suatu yang menarik untuk diperhatikan memandangkan perkembangan politik di Tanah Melayu dan Sarawak juga sebenarnya mempengaruhi secara langsung perkembangan politik di Sabah.

Dalam hal ini yang menyebabkan Sabihah Osman dengan lantang mendobrak tanggapan sedia ada dengan menyatakan bahawa walaupun tidak terdapat sebarang pertubuhan bersifat politik yang muncul di Sabah sebelum Perang Dunia Kedua, namun kesedaran politik dalam kalangan masyarakatnya telah wujud. Perkara ini dibuktikan apabila ramai tokoh bumiputera Islam di Sabah yang bergiat aktif dalam organisasi bercorak persuratan menggunakan medium tersebut untuk membangkitkan kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakatnya agar mengambil tahu akan perkara-perkara yang bersangkutan dengan pemerintahan dan pentadbiran.³⁰ Begitu pula dengan Muhibbin Yusin yang menyatakan bahawa kesedaran berpersatuan dalam kalangan masyarakat Sabah sudah timbul pada akhir tahun 1930-an melalui majlis-majlis perkumpulan yang diadakan oleh ahli-ahli Persatuan Sahabat Pena Malaya (PASPAM).³¹ Penidakan terhadap kedudukan kesedaran kebangsaan dalam kalangan bumiputera Islam di Sabah berkemungkinan dipengaruhi oleh dua faktor yang saling melengkapi iaitu:

- i. Kurangnya sumber dokumen yang ditemui untuk membuktikan kesedaran masyarakat Sabah berkenaan keburukan penjajah.
- ii. Tidak menemui saksi utama yang terlibat secara langsung dalam mengerakkan pertubuhan awal di Sabah.

Perkara ini dianggap mempengaruhi secara langsung penulisan sarjana sedia ada terhadap perkembangan semangat nasionalisme di Sabah, memandangkan sumber dokumen yang menjelaskan keperihatinian mereka akan keburukan berada di bawah pentadbiran penjajahan tidak dapat

ditemui di Arkib Negeri Sabah mahupun Arkib Negara Malaysia. Hal ini kerana, sebahagian besar dokumen-dokumen berkaitan pertubuhan bersifat politikal seperti PASPAM, BARIP, PKM dan pertubuhan Islam bersifat kedaerahannya masih tersimpan dalam kalangan keluarga tokoh-tokoh tersebut dan mungkin sebahagiannya sudah musnah akibat keadaan persekitaran yang tidak mengizinkan ataupun disebabkan faktor lain yang turut mempengaruhi keberadaannya. Pada masa yang sama, kebanyakannya penulisan berkenaan perkembangan politik di Sabah tidak menemubual secara langsung aktor yang terlibat dalam membentuk sejarah negeri ini. Walhal, usaha menemubual mereka adalah perlu memandangkan masih banyak maklumat bersifat kebangsaan yang tersimpan dan belum diketengahkan kepada masyarakat umum sehingga kini.

Sekiranya perkara ini dilakukan oleh para sarjana tersebut, maka sudah pasti akan membuka jendela atau sudut pandang baru berkenaan perkembangan semangat nasionalisme di Sabah berdasarkan pengalaman individu yang sekian lama ‘misteri’ sifatnya. Keperluan akan usaha menemubual tokoh-tokoh kebangsaan ini selari dengan kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia yang menyatakan bahawa sejarah lisan adalah lebih terperinci dalam membicarakan berkenaan sesuatu tokoh atau peristiwa sejarah kerana dapat mengetengahkan perkara-perkara yang tidak dapat dicapai oleh sumber dokumen. Perkara ini dinyatakan seperti berikut:

‘Sejarah lebih membicarakan hal-hal luaran. Bijak pandai mengatakan sejarah hanya boleh masuk sampai ke balai ruang seri istana-istana, ruang tamu kediaman rasmi dan bilik kerja Presiden dan Perdana Menteri sahaja. Sedangkan biografi boleh masuk lebih jauh ke dalam, kadang-kadang sampai ke bilik tidur tokoh yang dibicarakan’³²

Permasalahan yang dihadapi ini berkelangsungan dalam memerihalkan berkenaan perkembangan politik di Sabah khususnya meliputi era selepas Perang Dunia Kedua yang akhirnya menyebabkan kekaburuan terus menghinggapi pensejarahan Sabah era tersebut. Perkara ini dapat diperhatikan oleh kekurangan penulisan yang menjelaskan secara terperinci perkembangan pertubuhan bersifat politikal yang terkesan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu dan Brunei, tetapi berkiblatkan Indonesia. Dalam hal ini,

penulisan Sabihah Osman dapat dijadikan medium penghubung kepada usaha menelusuri aktiviti dan matlamat setiap pertubuhan yang telah disebutkan kerana penulisannya adalah bersandarkan kepada koleksi surat-surat yang belum pernah diketengahkan sebelumnya dan dilengkapkan lagi melalui pendokumentasian pengalaman tokohnya. Maka dengan sebab itulah, usaha penulisan terkemudiannya tentang politik Sabah khususnya era tahun 1946 hingga tahun 1948 akan menjadikan penulisan-penulisan Sabihah sebagai rujukan utama.

Namun, harus diakui bahawa penulisan Sabihah juga sebenarnya masih tidak mencukupi untuk menelusuri secara terperinci era tersebut sehingga memerlukan kajian lanjut dilakukan. Oleh sebab itu, usaha untuk memperincikan berkenaan perkembangan semangat nasionalisme di Sabah hendaklah giat dilaksanakan agar kedudukan sebenar mengenainya dapat difahami keberadaannya. Dengan itu, masyarakat dapat memilih satu antara keduanya iaitu sama ada nasionalisme di Sabah ‘wujud’ atau ‘tidak wujud’ selepas Perang Dunia Kedua. Keperluan untuk melakukan kajian lanjut berkenaan aspek ini dapat diketahui sekiranya telusuran terhadap penulisan-penulisan sedia ada mengenai PAPSAM, BARIP, PKM dan pertubuhan Islam bercorak kedaerahan diperhatikan keberadaannya.

Surat Zakaria Gunn Sebagai Sumber Historiografi PKM Sabah

Pergerakan bercorak politik di Sabah ditandai melalui penubuhan Persatuan Kebangsaan Melayu (PKM) di Sabah. Pertubuhan politik beridentitikan Melayu ini adalah bersandarkan kepada perkembangan politik di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua yang menyaksikan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan oleh Mokhtarudin Lasso (PKM) dan Ahmad Boestaman (KMM). PKMM yang ditubuhkan di Ipoh, Perak pada 17 Oktober 1945 berjaya mendapat sokongan yang meluas dalam kalangan masyarakat Melayu bukan sahaja di Tanah Melayu, tetapi juga menjangkaui ke Sabah dan Sarawak. Malangnya, kajian terperinci berkenaan pergerakan PKM di Sabah amat kurang dilakukan kerana ketiadaan dokumen mengenai gerakan ini.³³

Umumnya, usaha menubuhkan sebuah pertubuhan bersifat politikal di Sabah seperti yang giat berlangsung di Tanah Melayu hadir apabila Tengku Noordin yang berasal dari Tanah Melayu, tetapi bekerja di Brunei telah berkunjung ke Singapura selama tiga bulan.³⁴ Kesedaran ini timbul hasil perbincangannya dengan Burhanuddin al-Helmy yang mengesa beliau untuk menubuhkan sebuah pertubuhan politik yang jelas di Sabah. Perbincangan ini berlangsung ketika beliau datang ke Singapura untuk belajar dan mengetahui secara terperinci berkenaan PKMM. Walau bagaimanapun, Burhanudin mengesyorkan agar pertubuhan yang akan ditubuhkan ini kelak mempunyai nama yang berlainan dengan PKMM di Tanah Melayu.³⁵ Kesungguhan beliau untuk merealisasikan penubuhan pertubuhan politik di Sabah terlihat jelas apabila beliau memohon untuk berpindah secara sukarela daripada Brunei ke Pulau Labuan.³⁶

Pada masa yang sama, terdapat beberapa orang di Pulau Labuan pada ketika itu berkeinginan menubuhkan sebuah pertubuhan bercorak politik. Kebanyakan daripada individu tersebut merupakan bekas ahli Persaudaraan Sahabat Pena Labuan (PASPAL). Antara individu penting adalah seperti seperti Zakaria Gunn, Abu Bakar Ahmad, Hassan Wahab, Aship Ahmad, Samad Hitam Johari, Sgt. Daud Sulaiman, Cikgu Suaini, Cikgu Abdul Ahmad Bamawi dan Mohd Dali.³⁷ Keinginan mereka ini direalisasikan apabila seorang nasionalis yang berasal dari Singapura singgah di Pulau Labuan dalam rangka perjalanan beliau kembali ke Tanah Melayu.³⁸ Tokoh ini yang dikenali sebagai Cikgu Harun Mohd Amin telah menyampaikan pidato berkenaan perlunya ditubuhkan sebuah pertubuhan yang mewakili orang Melayu di Pulau Labuan dalam usaha menjaga kebijakan mereka di bawah pentadbiran kolonial.

Bertitik tolak dari pidato tersebut, maka terbentuklah sebuah pertubuhan di Pulau Labuan yang menjadikan ‘Melayu’ sebagai identiti perjuangan mereka. Pada peringkat awalnya, pelbagai nama telah dicadangkan untuk diberikan kepada pertubuhan ini, namun akhirnya semua hadirin bersetuju untuk menamakannya sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) berdasarkan kepada perincian terhadap undang-undang Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) di Tanah Melayu yang dibacakan oleh Cikgu Harun semasa menyampaikan pidatonya.³⁹ Umumnya, penubuhan PKML telah berlangsung pada hari Ahad bersamaan 16 Jun 1946,⁴⁰ iaitu

lapan bulan selepas PKMM ditubuhkan. Pada hari bersejarah ini telah dihadiri seramai lima puluh lima orang individu di sebuah tempat bernama Lajau.⁴¹ Penubuhan PKML diperincikan seperti berikut:⁴²

Di-dalam suatu mesyuarat orang-orang Melayu yang berjumlah 55 orang... pada hari Ahad 16-6-46... maka telah di-chadangkan pada hari itu yang sebuah persekutuan [Sic] patut dan wajib di-adakan di Pulau Labuan ini.

Bermacam-macam nama persekutuan-persekutuan telah di-chadangkan dan keputusan-nya telah di-satuju oleh orang² yang hadzir (selepas daripada mendengar sharanan² yang diberi oleh Inche Haron Mohd. Amin serta se-sudah membachakan rengkasan dasar² undang² Party Kebangsaan Melayu ...) supaya bersakutu memasokkan diri ke dalam P.K.M. itulah.

Sewaktu mula ditubuhkan di Pulau Labuan, PKML telah meminta kebenaran daripada PKMM agar pertubuhan mereka dapat dijadikan sebahagian daripada cawangan PKMM di luar Tanah Melayu. Perkara ini dilakukan melalui kaedah mengutus surat kepada Setiausaha PKMM dengan menyertakan bersama-sama senarai nama individu yang menjadi ahli PKML dan wang yuran sebanyak \$0.50 serta wang pembelian buku undang-undang PKMM sebanyak \$1.00.⁴³ Pihak PKML juga menyatakan bahawa sekiranya penubuhannya disahkan oleh PKMM, maka keahliannya akan meningkat sehingga ratusan orang ahli. Tanggapan ini menjadi realiti apabila keahlian PKML meningkat menjadi dua ratus orang pada bulan Julai 1946.⁴⁴ Namun, PKML mengakui bahawa kebanyakan ahlinya masih belum arif dalam soalan pergerakan pertubuhan tersebut. Oleh itu, mereka meminta salah seorang daripada ahli PKMM dapat datang ke Pulau Labuan untuk menerangkan dan mengajarkan mereka berkenaan pergerakan tersebut.

Jawatankuasa pertama PKML terdiri daripada Tengku Noordin sebagai Yang Dipertua,⁴⁵ Zakaria Gunn sebagai Naib Yang Dipertua, Abu Bakar K. Ahmad⁴⁶ sebagai Setiausaha, Suhami Mohamad sebagai Timbalan Setiausaha, Abu Bakar Kapal sebagai Bendahari, Mohamad Daud bin Sulaiman sebagai Timbalan Bendahari, sebelas orang ahli jawatankuasa,⁴⁷ termasuklah seorang yang bernama Major Bongsu Nordin,⁴⁸ seorang editor dan seorang pembantu editor.⁴⁹ Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada Pegawai Kerani, Guru, Ketua

Kampung dan peniaga-peniaga kecil yang berpendidikan. Lapan orang daripadanya adalah mantan ahli PASPAM yang mengikuti perkembangan politik di Tanah Melayu dan Indonesia secara dekat.⁵⁰

Tengku Noordin yang merupakan Yang Dipertua pertama PKML berasal dari Sumatera dan mendapat pendidikan di Tanah Melayu manakala Zakaria Gunn yang merupakan Naib Yang Dipertua dan Setiausaha dalam jawatankuasa kedua PKML adalah seorang ahli PASPAM yang berasal dari Perak. Selepas PASPAM berkubur, beliau giat menulis dalam Majalah *Hiboran* (1947) dan *Kencana*.⁵¹ Penulisan beliau menekankan kesedaran kebangsaan untuk merdeka yang dibuktikan melalui laungan ‘*Hidup Melayu – Merdeka*’, termasuklah dalam penulisan surat antara semasa ahli PKML. Malahan, persoalan yang menggesa pegawai kerajaan dan masyarakat bumiputera yang mempunyai pendidikan untuk bergiat dalam persatuan seperti PKM dan BARIP disuarakan dalam penulisannya.⁵²

Matlamat penubuhan PKML adalah membela kepentingan masyarakat Melayu dan meningkatkan kemajuan mereka dalam bidang sosioekonomi.⁵³ Oleh itu, dalam merealisasikan matlamat penubuhannya, ahli-ahli PKML merancang menubuhkan sebuah pejabat sementara dan syarikat perniagaan yang bernaung di bawah pertubuhan ini. Pejabat pertubuhan didirikan menggunakan sumbangan derma daripada ahlinya yang mula dikutip pada 4 Ogos 1946 manakala syarikat yang telah sedia ditubuhkan pula memperuntukkan saham sebanyak \$5.00 seorang kepada ahlinya.⁵⁴ Kawasan untuk menubuhkan pejabat pertubuhan telah dipohon daripada Residen British Labuan yang bertempat di Kampung Gersik. Penubuhannya diusahakan di atas sebuah tanah 40 kaki dan selebar 20 kaki.⁵⁵ Keadaan ini menunjukkan bahawa matlamat penubuhan PKML bukan sahaja bertujuan untuk membela masyarakat Melayu dari segi politik, tetapi juga berusaha memberikan kesedaran dan meningkatkan taraf ekonomi mereka yang jauh ketinggalan berbanding kaum imigran. Walau bagaimanapun, syarikat tersebut yang dikenali sebagai Syarikat Melayu Labuan tidak dapat bertahan lama, lalu ditutup beberapa bulan kemudiannya kerana tidak mendapat sambutan dan mempunyai masalah kewangan.⁵⁶

Di samping merancang penubuhan pejabat dan syarikat PKML, setiap ahlinya juga dikehendaki saling bekerjasama antara satu sama lain dalam bentuk kewangan dan buah fikiran seperti yang dipertunjukkan oleh Ir. Soekarno, Dr. Hatta dan Sutan Sharir di Indonesia.⁵⁷ Pada masa yang sama, ahlinya juga cuba dipertingkatkan khususnya dalam kalangan golongan muda Melayu di Pulau Labuan. Golongan ini diminta untuk bersatu di bawah PKML kerana sudah sekian lama masyarakat Melayu tertindas dan terhina di bawah penjajahan. Mereka juga diminta untuk mencontohi golongan muda di gugusan kepulauan Melayu lain seperti di Jawa, Sumatera, Ambon, Bali, Maluku dan Tanah Melayu yang bangkit berjuang dengan semangat berkobar-kobar tanpa memandang tahap pendidikan kerana berasa malu dengan keadaan bangsanya yang terhina. Sekiranya golongan muda ini sanggup berkorban akan masa depan mereka, golongan tua pula sanggup berdiri di belakang untuk menuntut hak mereka. Perkara ini diperincikan dalam amanat Tengku Noordin kepada golongan pemuda dan pemudi di Pulau Labuan seperti berikut:⁵⁸

- i. Bersatulah sekarang menjadi ahli-ahli ‘Parti Kebangsaan Melayu. Bergerak dan berkorban kerana sudah lama tertindas dan terhina-hina.
- ii. Sekarang semua pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi di pulau-pulau gugusan Melayu, Jawa, Sumatera, Sulawesi, Ambon, Bali, Maluku dan pulau-pulau yang kecil telah berjuang dengan semangat yang berkobar-kobar dan maju terus ke hadapan.
- iii. Orang tua-tua akan menyokong di belakang kamu, serta membuat pertanyaan untuk bakal menuntut hak kamu.
- iv. Tengoklah sekarang seperti pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi di Tanah Melayu dan Jawa, yang telah tamat pelajarannya di dalam universiti tiada memandang pangkat lagi – mereka sangat malu memandang bangsanya yang terhina-hina itu. Apatah lagi kita di sini cuma setinggi-tingginya menempuh pelajaran rendah atau hanya senior Cambridge sahaja.
- v. Bangunlah dan sedar – bergerak dan maju.

Usaha memupuk kesedaran nasionalisme bumiputera Islam di Pulau Labuan dengan mengambil contoh kepada suasana politik di Kepulauan Indonesia menunjukkan PKML pro kepada perjuangan tokoh-tokoh di Indonesia. Perkara ini tidaklah menghairankan kerana PKMM sebagai

induk kepada pertubuhan Melayu di Sabah dan Sarawak sememangnya memperjuangkan penyatuan dengan wilayah Indonesia. Oleh itu, dasar perjuangan PKML adalah bersifat tidak bekerjasama dengan penjajah dan menuntut agar Sabah dimerdekaan daripada pentadbiran British. Keadaan ini yang akhirnya memungkinkan pemimpin-pemimpin PKML seperti Tengku Noordin kemudiannya dipindahkan keluar daripada Pulau Labuan pada bulan September 1946 dengan menawarkannya pekerjaan di *Treasury Jesselton*.⁵⁹ Hal ini disebabkan pihak British sedar, tanpa ahli pertubuhan yang aktif, maka pertubuhan tersebut akan bersifat '*hidup segan, mati tidak mahu*'.

British bertindak demikian kerana khawatir pengaruh nasionalisme Indonesia dalam PKML akan menggugat kedudukan British di Sabah. Pengaruh Indonesia dalam PKML terbukti apabila Tengku Noordin merupakan penyokong kuat kepada gerakan Melayu Raya yang dianjurkan oleh PKMM. Oleh itu, usaha beliau untuk menggerakkan dan membuka cawangan-cawangan baru PKM di seluruh Sabah dan menjadikannya sebagai salah satu jalan mewujudkan impian Melayu Raya dengan menggabungkan Sabah dalam Indonesia sentiasa diperhatikan oleh pihak berkuasa.⁶⁰ Perkara ini ditambah lagi apabila beliau dipercayai mempunyai hubungan rapat dengan Mohd. Zohdi, pemimpin gerakan Ahmadiyya di Indonesia yang ketika itu berada di Pulau Labuan. Beliau juga dikatakan bersahabat baik dengan Zainal Abidin Osman yang merupakan ahli PKMM dan Yang Dipertua Bersekutu Persatuan Indonesia Merdeka.⁶¹ Kekhuatiran akan pengaruh Indonesia dalam PKM di Sabah menyebabkan Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya British di Asia Tenggara mengingatkan British bahawa:⁶²

Powerful forces were ready to exploit any sign of British weakness in South East Asia... Chinese imperialism. Indian nationalism and imperialism and above all Indonesian nationalism and the Indonesia Raya or Greater Indonesia movement.

Menyedari beliau akan dipindahkan, Tengku Noordin telah mengamanahkan kepada Encik Abu Bakar untuk memimpin PKML dengan sebaik mungkin. Pada masa yang sama, beliau juga menyeru agar Abu Bakar sebagai pemangku Yang Dipertua tidak pernah jemu untuk memberikan kata-kata semangat kepada ahli PKML kerana sebahagian besar daripada mereka belum berperasaan darah kebangsaan.⁶³ Di samping itu, Tengku Noordin juga

menasihati ahli PKML lainnya agar tetap bersatu hati bagi menggelakkan mereka tidak terus ditindas dan dihina oleh pihak penjajah. Beliau menyatakan bahawa sikap bersatu, bersahabat, bergerak untuk menyokong yang dalam kesusahan merupakan semangat yang sangat dikehendaki pada masa ini.⁶⁴ Umumnya amanat keseluruhan Tengku Noordin kepada kepada ahli PKML yang diperincikan seperti yang berikut:⁶⁵

- i. Jikalau kita tidak bersatu hati tetaplah kamu ditindas dan dihinakan bangsa asing.
- ii. Jangan lupa memberi nasihat pada segala masa supaya bergerak terus.
- iii. Jauhkanlah hati yang dendki dan khianat, tetapi tolonglah bangsa mu itu supaya menjadi mulia di depan kamu dan di depan bangsa asing.
- iv. Hendaklah kamu adakan perbahasan yang berfaedah kepada parti dan syarikat. Dikehendakilah semua ahli-ahli mengeluarkan suara. Janganlah malu, kerana itu pangkal kemajuan.
- v. Dalam perbahasan itu bolehlah kongsikan apa-apa kemahuan masing-masing sehingga bertengkar pun tiada mengapa, tetapi bila bertengkar dalam perbahasan janganlah berhati syaitan dan membuat permusuhan.
- vi. Jikalau terkena susah salah seorang di antara ahli-ahli hendaklah dengan segera dibawa ke mesyuarat dan memberi pertolongan kepadanya.
- vii. Ketua-ketua dan komite dalam parti adalah orang-orang yang menanggung beban yang berat dan ahli-ahli adalah pembantunya.
- viii. Hendaklah bercakap dengan tertib dan cermat kepada orang-orang yang bukan ahli atau bangsa asing supaya jangan terpedaya oleh pujuhan yang menjatuhkan kemajuan kamu.
- ix. Jikalau kamu terkena sengsara, penat dan lain-lainnya kerana memajukan bangsa kamu, ialah pangkal yang terutama yang menjadi tauladan bagi orang yang ramai yang belum berpelajaran.
- x. Bersatu, bersahabat, bergerak untuk menyokong yang terkena susah ialah semangat yang sangat dikehendaki pada masa ini.

Walau bagaimanapun, tindakan British memindahkan Tengku Noordin ini ternyata tidak berjaya menghentikan peranan beliau dalam memupuk dan mengembangkan semangat nasionalisme bumiputera Islam di Sabah. Perkara ini terlihat jelas apabila beliau juga kemudiannya menujuhkan Parti Kebangsaan Melayu Jesselton (PKMJ) pada bulan November 1946.⁶⁶

Matlamat penubuhan PKMJ juga selari dengan matlamat PKML yang berpendirian tegas membela nasib semua masyarakat Melayu di Sabah mahupun yang berasal dan Kepulauan Melayu. Penubuhan PKMJ ini pula membawa kepada meluasnya pengaruh PKM di tanah besar apabila dicatatkan berjaya membuka cawangan barunya di Daerah Putatan yang terdiri daripada majoriti bumiputera Islam berketurunan Bajau dan Brunei.⁶⁷ Selain itu, PKMJ juga berjaya menarik sokongan bumiputera Islam untuk menubuhkan cawangannya di Daerah Putatan, Kinarut, Bongawan, Keningau,⁶⁸ Kota Belud dan Kudat.⁶⁹ Peluasan pengaruh PKMJ ke daerah-daerah tersebut memperlihatkan bahawa pengaruhnya sudah menular ke kawasan luar bandar.

Selain kemunculannya di kawasan Pantai Barat, pengaruh PKM juga telah sampai ke Pantai Timur melalui Daerah Tawau pada awal tahun 1946.⁷⁰ Sewaktu baru ditubuhkan, Pengurus pertamanya telah disandang oleh O.K.K Kee Abu Bakar dari tahun 1946 hingga tahun 1948 dengan dibantu oleh Titingan Damsani sebagai Setiausaha.⁷¹ Pada masa yang sama, barisan kepimpinannya juga dibantu oleh golongan muda yang mempunyai kesedaran besar untuk merdeka seperti Kassim Kamidin, Abdul Karim Drahman, Haji Ahmad Ayid dan Zainal Kerahu, Ampong. Menjelang tahun 1952, jumlah keahliannya sudah mencapai dua ratus orang ahli yang kebanyakannya adalah daripada keturunan Kee itu sendiri.⁷² Segala aktiviti yang dirancangkan oleh ahli-ahlinya ini akan dimesyuaratkan di pejabat pertubuhan di Jalan Dunlop.

Matlamat penubuhannya adalah untuk memperbaiki taraf sosiekonomi masyarakat Melayu, membela nasib mereka serta taraf pendidikan yang harus dimiliki.⁷³ Kesedaran tersebut timbul selari dengan kesedaran yang dimiliki oleh masyarakat Melayu di Tanah Melayu bahawa nasib anak bangsa mereka ketinggalan dari segi ekonomi dan pendidikan berbanding kaum imigran di daerah terbabit. Pada masa ini, British tidak menekankan sangat soal pendidikan kepada masyarakat Melayu menyebabkan mereka terus hidup dalam kemiskinan dan serba kekurangan. Sebaliknya, masyarakat Cina terbelah dari segi pendidikan dengan kemunculan sekolah mualigh dan sekolah jenis kebangsaan yang dibiayai oleh ahli perniagaan kaya di daerah ini.

Perkembangan PKMT adalah berdasarkan kepada pergaulan ahlinya dengan nasionalis Melayu di Tanah Melayu melalui langgan akhbar dan

majalah yang diterbitkan di Singapura dan Tanah Melayu.⁷⁴ Menurut Ampong Kerahu yang merupakan salah seorang daripada penggerak awal PKMT menyatakan bahawa sebelum Perang Dunia Kedua, ahlinya biasa melanggan *Warta Ahad, Saudara, Lembaga Malaya, Hiboran, Qalam* dan *Mastika*.⁷⁵ Penubuhan PKMT dipercayai sebagai langkah pertama bumiputera Islam di Daerah Tawau menggunakan citra Islam sebagai landasan menentukan orientasi perjuangannya. Namun, Islam yang dijadikan sebagai kerangka perjuangan ini bersifat islah atau modenis yang terlihat jelas melalui galakan terhadap ahlinya untuk memakai tali leher semasa jamuan Hari Raya Aidilfitri.⁷⁶ Perjuangan ahli PKMT menggunakan payung agama ini dilakukan dengan menubuhkan Persatuan Islam Tawau (PIT) sebagai sebahagian daripada wadah pergerakannya. Keputusan barisan kepimpinan PKMT untuk menubuhkan PIT adalah atas kesedaran perlunya agama dijadikan asas penyatuan bumiputera Islam di daerah tersebut.⁷⁷

Perkembangan pengaruh PKM hampir di semua bandar utama di Sabah menunjukkan bumiputera Islam semakin berkembang dari segi kesedaran kebangsaannya. Oleh sebab itu, dalam usaha PKM membela martabat masyarakat Melayu di negeri ini, maka disarankan untuk diadakan persidangan di Pulau Borneo. Persidangan ini buat pertama kalinya telah dicadangkan oleh PKML dengan meminta dilakukan kerjasama antara PKML dan BARIP Brunei. Sekiranya persidangan ini dapat direalisasikan, maka ianya akan digunakan bagi mengemukakan masalah semasa yang sedang dihadapi oleh masyarakat Melayu dan langkah-langkah untuk mengatasinya. Hal ini kerana, pemimpin PKML menyedari bahawa bumiputera Islam di Pulau Borneo masih kurang pengalaman dalam menggerakkan pertubuhan bercorak politik, tetapi mereka masih dapat bersandarkan kepada pengalaman 2^{1/2} juta masyarakat Melayu di Tanah Melayu dan 75 juta di Indonesia.⁷⁸

Sekarang hendaklah kita sedar dan bangun supaya kita boleh mendirikan dengan segera suatu conference dalam Pulau Borneo ini. Sungguhpun kita di sini tidak berapa tinggi dan luas pengalaman; tetapi kita sekarang bersandar kepada 2^{1/2} million penduduk Tanah Melayu yang banyak di antara mereka itu telah tamat pelajarannya di Eropah, dan Tanah Melayu sekarang bersandar kepada 75 million penduduk di Indonesia yang dipimpin Ir. Soekarno, Dr. Hatta, Soetan Sharjar dan lain-lainnya. Dan semuanya ini perkara adalah dalam

rundingan serta pertimbangan Nasional Charter di San Francisco – Amerika, iaitu tempat pengadil yang maha tinggi untuk segala bangsa di dunia.

Sebenarnya, kerjasama yang melibatkan ahli BARIP Brunei dan PKML sudah lama berlangsung. Perkara ini dibuktikan melalui sepucuk surat daripada ahli BARIP Brunei yang menyatakan kehadirannya dalam mesyuarat penubuhan parti tersebut di Pulau Labuan. Ahli BARIP Brunei yang dikenali sebagai Ajmain A. Razak ini menyatakan bahawa keinginannya untuk melihat penubuhan PKM di Brunei dan menjadi harapannya pula untuk menjadi sebahagian daripada individu yang merealisasikan penubuhannya kelak.⁷⁹ Usaha kerjasama di peringkat Pulau Labuan antara BARIP dengan PKML juga diperincikan berlaku seawal pembukaan pejabat BARIP Labuan itu sendiri. Penubuhan kedua-dua pertubuhan ini dianggap suatu kejayaan kepada bumiputera Islam di Sabah yang dinyatakan sebagai dua pergerakan, tetapi satu tujuan bagi ‘mencapai cita-cita umat Melayu di Labuan kepada kejayaan yang sempurna untuk bangsa Melayu’.⁸⁰ Perkara ini dapat ditelusuri menerusi ucapan pembukaan pejabat BARIP Labuan yang diperincikan seperti berikut:⁸¹

Saudara-saudara semua tahu di Labuan sekarang sudah ada dua tubuh pergerakan kita iaitu PKMM dan BARIP, iaitu kita sifatkanlah dua-dua ini sudah menjadi satu tangan kiri dan kanan sebab itu sewajibnya Barip dan PKMM akan menjadi satu untuk berjalan menuju kepada cita-cita kita umat Melayu di Labuan ini kepada kejayaan yang sempurna untuk bangsa Melayu. Dua pergerakan tetapi SATU TUJUAN.

Perpaduan yang ditunjukkan antara kedua-dua buah pertubuhan ini juga terserlah apabila Setiausaha PKMJ menggesa ahli kedua-dua pertubuhan tersebut mengambil berat akan peristiwa seorang warga Indonesia (Jawa) yang dipukul oleh orang Cina. Tindakan yang dilakukan oleh orang Cina dianggap tidak bertepatan dengan nilai keadilan kerana orang Jawa tersebut dipukul tanpa kesalahan yang jelas dan tidak pula dilaporkan kepada pihak berkuasa.⁸² Oleh itu, ahli kedua-dua pertubuhan diminta untuk bekerjasama menguruskan perkara yang berlaku atas nama persamaan bangsa dan tanah air. Keadaan ini menyebabkan berlakunya pergaduhan besar pada 4 dan 5 Januari 1947 antara orang Cina dengan ahli kedua-dua pertubuhan yang berasal daripada Indonesia. Walau bagaimanapun, disebabkan tujuh orang

pemimpin Cina dan Konsulatnya memohon maaf, maka pergaduhan yang berlaku tidak berpanjangan. Akan tetapi, pada 7 Januari 1947, menyaksikan bumiputera Islam yang terdiri daripada orang-orang Melayu, Bajau, Dusun dari Menggatal dan Inanam masih tidak berpuas hati, lalu hendak menyerang orang-orang Cina terbabit, tetapi telah dihalang oleh pihak berkuasa.⁸³

Dalam hal ini PKMJ telah memberi ingatan bahawa ‘*...it is my duty to take care of this man but you are responsible for his life. Unless this matter is receiving immediate attention, I think the M.N.P. is going to proceed to the Government*’.⁸⁴ Berita mengenai penglibatan PKMJ ini kemudian telah disebarluaskan ke cawangan-cawangan lain termasuklah ke Daerah Weston yang sudah diwujudkan cawangan pada ketika itu. Sementara itu, di Pulau Labuan, pihak PKML menyatakan bahawa usaha membantu orang Jawa yang teraniaya ini adalah perlu meskipun beliau bukan ahli kepada kedua-dua pertubuhan. Sekiranya ‘dengan tenaga tidak berjaya, harus pula dengan harta dan jiwa agar berjaya membawa keamanan kepada semua’.⁸⁵ Pada masa yang sama, pemimpin PKML akan menghebahkan berita tersebut kepada orang Jawa di Pulau Labuan supaya mereka mengetahui bahawa pertubuhan mengambil berat akan kesusahan mereka di Sabah.

Kemerosotan PKMS

Persahabatan antara BARIP Jesselton dan PKMJ tidak harmoni selamanya apabila timbul masalah yang melibatkan pucuk pimpinannya.⁸⁶ Dalam hal ini, Tengku Noordin melalui suratnya kepada Zakaria Gunn menyatakan bahawa matlamat BARIP Jesselton sudah terpesong dari matlamat utamanya yang dipelopori oleh BARIP Brunei sehingga pertubuhan tersebut kini berada dalam siasatan pihak pemerintah.⁸⁷ Pertelingkahan ini dikatakan bermula apabila Mohd Seruji yang merupakan Setiausaha BARIP Jesselton bersama-sama tiga orang ahlinya iaitu Imam Suhaili, Sa’adi dan Khatib Osman merancang untuk menjatuhkan beliau sebagai Presiden PKMJ.⁸⁸ Tindakan ini dipercayai dilakukan kerana mereka tidak menginginkan PKMJ ditubuhkan di Jesselton pada ketika itu. Peristiwa tersebut dinyatakan seperti berikut:⁸⁹

Tetapi berduakacita apabila General Secretary Barisan Pemuda (Jesselton) Mhd. Seruji dan 3 orang ahli-ahlinya (Imam Suhaili, Che Sa’adi

dan Khatib Osman) telah berniat salah hendak membunuh Presiden Party tujuannya membuat demikian ialah supaya parti jangan berdiri dalam Sabah adanya.

Pada 19.3.1947 pukul 6.00 petang Presiden parti dan seorang Committee telah berjalan-jalan dan 4 orang yang tersebut pun datang membawa sepucuk urat fitnah yang boleh menggemparkan bumi negeri Sabah. Sungguhpun demikian tuan D.O. dan C.P.O. Jesselton telah menyelesaikan perkara ini iaitu pada 20.3.1947 pukul 4.00 petang, tetapi pada malamnya Seruji sudah menyuruh ahli-ahlinya lebih kurang 100 orang hendak mengintai parti.

Menurut Tengku Noordin lagi, sehingga bulan Februari 1947, jumlah keahlian PKMJ sudah mencapai empat ratus orang ahli.⁹⁰ Perkembangan tersebut menyebabkan PKMJ sangat dihormati oleh bangsa asing termasuklah peniaga-peniaga Cina yang turut sanggup mendermakan wang mereka kepada pertubuhan, tetapi Tengku Noordin telah menolaknya kerana khuatir akan timbul masalah di kemudian hari. Pada masa yang sama, beliau juga menasihati agar Zakaria Gunn tidak mengirimkan sebarang perkhabaran mengenai PKML atau menerima sebarang surat daripada BARIP Jesselton untuk menggelakkkan tindakan sama dilakukan oleh pihak berkuasa kepada PKML. Walau bagaimanapun, Zakaria Gunn telah meminta agar Tengku Noordin memberi nasihat kepada BARIP Jesselton kerana pertubuhan ini juga dianggap ‘senada’ dengan perjuangan PKM untuk membela masyarakat Melayu.⁹¹ Perkara ini diperincikan seperti berikut:⁹²

Sangatlah dukacita saya mendengar perihal pergerakan BARIP itu, tetapi dengan nama bangsa kita, tidakkah dapat saudara cuba menguruskannya dengan secara persahabatan supaya perjalanan BARIP itu menjadi baik dan bersefahaman dengan cita-cita kita, sekurang-kurangnya cubalah saudara memberi nasihat dan anjuran supaya terselamat nama dan bangsa kita, kerana Barip itu pun pergerakan kita dan orang-orang kita demikianlah harapan saya, mudah-mudahan mereka rujuk kepada jalan yang benar dan lurus serta berfaedah bagi kita.

Namun, ketegangan antara BARIP dan PKM hanya berlaku di Jesselton, sebaliknya di Pulau Labuan hubungan antara kedua-duanya adalah baik. Perkara ini terbukti apabila PKML telah menjemput Awangku Amat sebagai wakil BARIP Labuan untuk menyampaikan pidato atau buah fikiran yang bersesuaian pada mesyuarat besar yang akan diadakannya.⁹³ Pada masa yang sama, PKML turut mempelawa ahli-ahli BARIP Brunei yang berada di Pulau Labuan untuk turut terlibat dalam mesyuarat tersebut pada sebelah pagi dan ikut berdendang pada sebelah malam. Mesyuarat besar PKML ini telah diadakan pada 2 Februari 1947 yang dihadiri oleh seramai seratus tujuh puluh orang ahlinya.⁹⁴ Sebelum mesyuarat dimulakan, ahli-ahli PKML telah menjalankan upacara menaikkan bendera merah putih di hadapan pejabat pertubuhan. Sepanjang mesyuarat ini berlangsung, beberapa isu berkaitan bumiputera Islam di Pulau Labuan telah dibangkitkan iaitu:

- i. PKML diminta untuk menguruskan hal pembayaran nikah kahwin dengan adil dan teratur.
- ii. Melantik seorang Ketua Agama Islam di Pulau Labuan.
- iii. Kuburan orang Islam di Jagos harus diikhtiarkan untuk dibersihkan bagi mengelakkan kehilangannya sebagai tanah wakaf.
- iv. PKML diminta untuk berunding dengan ahli-ahli agama agar dapat terlibat sama dalam penetapan tarikh menyambut Hari Raya.

Kepakaan terhadap permasalahan orang Melayu di Pulau Labuan kembali disuarakan oleh PKML yang menyangkut permasalahan dalam peluang pekerjaan. Perkara ini bertitik tolak daripada tindakan pihak berkuasa melalui Jabatan Kastam yang mengeluarkan permohonan jawatan kosong khusus kepada orang Cina sahaja.⁹⁵ Oleh itu, pihak PKML telah menghantar sepucuk surat kepada Pegawai Daerah Labuan yang menyatakan kesedihan mereka terhadap kegagalan pihak berkuasa menjaga kebijakan masyarakat Melayu. Mereka menuntut agar pihak berkuasa memikirkan kembali tindakan tersebut yang dianggap tidak selari dengan ketaatan yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu sejak sekian lama dalam pentadbiran kolonial.⁹⁶

Sementara itu, dalam laporan mesyuarat PKML yang diadakan pada 7 Mac 1947 menyatakan bahawa pertubuhan tersebut juga berjaya menyelesaikan beberapa perkara kecil yang melibatkan permasalahan bumiputera Islam

tanpa perlu dibawa kepada pihak pemerintah dengan persetujuan orang kampung.⁹⁷ Malahan, atas pengorbanan ahli-ahli PKML sepanjang tahun tersebut menyaksikan beberapa orang Melayu yang menghadapi kesempitan hidup di Pulau Labuan telah dihantar pulang ke kampung asal mereka menggunakan duit derma yang dikumpulkan. Pengorbanan ahli PKML juga terserlah apabila mengadakan kutipan derma bagi membantu orang Melayu di Indonesia melalui Palang Merah kerana tidak sanggup mendengar kesusahan hidup saudaranya di negara terbabit. Hasilnya sebanyak \$100.00 berjaya dikumpulkan oleh ahli PKML, sekalipun kebanyakan ahlinya juga menghadapi masalah kewangan.⁹⁸

Kesukaran ahli PKML dari aspek kewangan terbukti apabila beberapa orang ahlinya mengutus surat kepada Zakaria Gunn memberitahu akan niat mereka untuk keluar daripada pertubuhan tersebut. Kehendak mereka ini bukanlah atas dasar khuatir atau takut dengan tindakan yang akan dikenakan pihak berkuasa terhadap ahli PKML, sebaliknya lebih didorong akan ketidakmampuan mereka untuk membayar yuran bulanan pertubuhan. Dalam hal ini, mereka takut akan khabar angin⁹⁹ yang mengatakan bahawa '*siapa-siapa orang ahli MNP tidak menjelaskan yurannya bagi bulan-bulan kelak akan mendapat saman*'. Antara individu yang dikenal pasti berutus surat dengan Zakaria Gunn meminta keluar daripada pertubuhan kerana khuatir akan disaman adalah seperti Hussien Hassan, Mohamad Othman, Dahlan Othman¹⁰⁰ dan Hassan Jumaat¹⁰¹ manakala Hassan Wahid, Lakis Birodim,¹⁰² Mayasni Maroli dan Dollah Sahat meminta berhenti tanpa mengemukakan sebab khusus kepada ahli majlis tertinggi PKML.¹⁰³ Walaupun, keinginan golongan yang ingin keluar daripada pertubuhan kerana khuatir di saman tidak dihalang oleh pucuk pimpinan PKML, namun mereka diminta untuk datang ke pejabat pertubuhan menerangkan sendiri berkenaan maklumat yang disampaikan oleh Mohamad Zin Mohamad.¹⁰⁴

Umumnya, sepanjang ditubuhkan, PKM mempunyai cawangan hampir di seluruh daerah di Sabah, namun, jumlah sebenar keahliannya tidak pernah diketahui secara jelas kerana ketiadaan senarai mengenainya. Akan tetapi, dapatlah diperhatikan bahawa peranannya di Sabah lebih tertumpu kepada PKML dan PKMJ, sebaliknya PKM cawangan lain hanya disebutkan sepintas lalu untuk membuktikan pengaruh PKM sudah sampai ke daerah tersebut.

Dengan itu, dapatlah diduga bahawa cawangan PKM di daerah lain juga berkemungkinan besar melakukan aktiviti yang sama seperti PKMJ dan PKML dalam memperjuangkan hak masyarakat Melayu di daerah mereka. Namun, keghairahan PKM di Sabah dalam memperjuangkan kedudukan masyarakat Melayu di bawah pentadbiran kolonial tampaknya tidak berpanjangan apabila pada tahun 1951, Gabenor Jesselton telah datang ke Pulau Labuan meminta agar pertubuhan tersebut dibubarkan seperti yang berlaku kepada PKMM di Tanah Melayu. Gesaan ini berlaku selepas beberapa soal jawab dijalankan oleh Gabenor kepada Hassan Manan sebagai Yang Dipertua dan Zakaria Gunn sebagai Setiausaha pertubuhan. Keadaan yang berlaku dinyatakan seperti berikut:¹⁰⁵

Dalam tahun 1951 Gabenor dari Jesselton datang secara tidak rasmi ke Labuan, saya sebagai Setiausaha parti dan Yang Dipertua En. Hassan telah dipanggil – pendeknya dalam beberapa soal jawab akhirnya Gabenor berkata ‘saya katakan eloklah MNP ini dibubarkan sebabnya parti yang di semenanjung juga akan dibubarkan’

Selepas pertemuan ini, Zakaria Gunn telah ditukarkan ke Jesselton manakala Tengku Noordin telah kembali ke Tanah Melayu kerana diberhentikan kerja akibat pergiaduhannya dengan seorang pekerja di pejabat beliau.¹⁰⁶ Di Daerah Tawau pula menyaksikan perpindahan Ampong Kerahu sekitar penghujung tahun 1950-an atas arahan British ke Daerah Sandakan untuk meneruskan perkhidmatannya dalam pentadbiran kolonial.¹⁰⁷ Sebenarnya, dengan kaedah ini membolehkan British melumpuhkan perjuangan PKM di Sabah kerana perpindahan setiap pemimpinnya akan menyebabkan kekosongan pemikir dan penggerak dalam pertubuhan tersebut. Tindakan ini adalah selari dengan dasar pemerintahan British yang tidak menggalakkan penglibatan bumiputera Islam untuk berpolitik.¹⁰⁸ Kesannya, kehadiran PKM juga tidak berpanjangan di negeri ini dan berkubur daripada pentas politik Sabah buat selama-lamanya.

Kesimpulan

Sejarah sebagai suatu ilmu yang dapat menggambarkan keadaan masa lalu, tampaknya masih gagal direalisasikan dalam konteks pencegarahan Sabah. Keadaan ini sangat ditentukan keberadaannya oleh kehadiran sumber sejarah yang masih jauh daripada mencukupi untuk menggambarkan masa lalu. Masalah yang sekian lama dihadapi dan berkelangsungan sehingga kini memungkinkan impian golongan positivis acuan Ranke agar peristiwa masa lalu dapat diketengahkan ‘seperti seadanya’ sukar untuk direalisasikan. Faktor ini sangat ditentukan oleh kedudukan penggunaan sumber dan paksi penulisan sejarah politik awal Sabah yang sekian lama mencengkam dalam kalangan sejarawan. Sejarah telah mencatatkan bahawa penghasilan penulisan sejarah politik awal Sabah sekian lama bergantung harap kepada sumber dokumen tinggal kolonial sehingga kenyataan bahawa selepas Perang Dunia Kedua adalah zaman ketandusan politik masyarakatnya terus diterima kenyataannya sehingga kini. Walhal, keadaan tersebut sebenarnya tidak menggambarkan keadaan sebenar perkembangan nasionalisme dalam kalangan masyarakat Sabah yang sebenarnya juga tumbuh dan dipengaruhi oleh perkembangan politik awal di Tanah Melayu melalui perjuangan Parti Kebangsaan Melayu (PKM). Kemunculan parti ini dalam pentas sejarah Sabah merupakan salah satu bukti wujudnya pertubuhan bercorak politik di negeri tersebut selepas Perang Dunia Kedua. Gerakan ini pada asasnya beridentitikan kesedaran kebangsaan di Indonesia yang disatukan melalui Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) di Tanah Melayu. Umumnya, PKMM yang menjadi wadah kepada kelahiran cawangannya di Sabah sangat dipengaruhi oleh pergerakan politik di Indonesia sama ada dalam bentuk ideologi maupun gerakannya. Kebenaran akan hakikat ini jelas terbukti apabila para pemimpin PKM di Sabah seringkali memetik tokoh-tokoh pejuang Indonesia serta menggalakkan ahlinya untuk mencontohi kegigihan perjuangan yang mereka lakukan dalam menentang penjajah. Walaupun, kehadirannya di Sabah tidak berpanjangan, namun sedikit sebanyak membawa sudut pandang baru terhadap perjuangan masyarakatnya dalam memperjuangkan kemerdekaan negeri mereka daripada penjajahan British.

Nota

- ¹ Kertas kerja ini dihasilkan bersandarkan kepada dana penyelidikan FRG0441-SS-1/2016 yang bertajuk Rekonstruksi Sejarah dan Konsep Nasionalisme di Sabah: Satu Penelitian Terhadap Perjuangan Parti Politik Awal di Sabah (1946-1952)
- ² Dudung Abdurahman, *Metodologi Penelitian Sejarah*, Jogjakarta: Ar-Ruzz Media Group, 2007, hlm. 40.
- ³ Muhd Yusof Ibrahim (a), *Pengertian Sejarah: Beberapa Perbahasan Mengenai Teori dan Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hlm. 65.
- ⁴ Muhd Yusof Ibrahim (b), *Idea Sejarah* (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm. 348.
- ⁵ Louis Gottschalk, *Understanding History: A Primer of Historical Method*. New York: University of Chicago Press, 1950, hlm. 53.
- ⁶ Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 51.
- ⁷ Muhd Yusuf Ibrahim (a), *op. cit.*, hlm. 71.
- ⁸ *Ibid.*
- ⁹ Paul Thompson, *The Voice of the Past*. New York: Oxford University Press, 1988, hlm. 51; Rebecca Sharpless, *The History of Oral History* dalam Thomas L. Charlton *et. al.* (ed), *History of Oral History: Foundations and Methodology*, United Kingdom: ALTAMIRA Press, 2007, hlm. 10; William W. Moss dan Peter C. Mazikana, *Archieves, Oral History and Oral Traditional a RAMP study*, Paris: United Nations Educational Scientific and Cultural Organization, 1986, hlm. 14; Asvi Warman Adam, Pengantar: Sejarah Lisan di Asia Tenggara: Teori dan Metod dalam Asvi Warman Adam, *Sejarah Lisan di Asia Tenggara: Teori dan Metod*, Jakarta: Pustaka LP3ES, 2000, hlm. xiii; dan, Kwa Chong Guan, *Oral History in the Making of Our Memories and Heritage*, dalam ASEAN Colloquium on Oral History, Oral History: The ASEAN Experience, 10-14 June 1991, hlm. 3.
- ¹⁰ Akhirnya, pemikiran yang terlalu memuja sumber bertulis tersebut telah digugat oleh sejarawan Amerika. Usaha ini timbul atas kesedaran mereka bahawa sebahagian besar sejarah masa lampaunya tiada dalam catatan-catatan bertulis menyebabkan lahirnya usaha merekod pengalaman golongan tua sewaktu membangunkan wilayah Amerika. Saat ini memperlihatkan kelahiran semula metod sejarah lisan dalam penulisan sejarah yang dimulai sekitar tahun 1930-an di Amerika dan kesannya lapan belas tahun kemudian telah berdiri pusat sejarah lisan di Universiti Colombia, Kanada, British dan Itali. Untuk keterangan lanjut sila lihat Asvi Warman Adam (a), *op. cit.*, hlm xiii; dan, William W. Moss dan Peter C. Mazikana, *op. cit.*, hlm. 16.
- ¹¹ E.H Carr, *Apakah Sejarah* (ter. Ab. Rahman Ismail), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 3.
- ¹² William W. Moss dan Peter C. Mazikana, *op. cit.*, hlm. 16.
- ¹³ Henk Schulte Nordholt *et. al.*, *Memikir ulang histiografi Indonesia* dalam Henk Schulte Nordholt *et. al.*, *Perspektif Baru Penulisan Sejarah Indonesia*, Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia-KITLV, 2013, hlm. 1.
- ¹⁴ Gilbert J. Garraghan S.J., *A Guide to Historical Method*, New York: Fordham University Press, 1957, hlm. 3.
- ¹⁵ R.G. Collingwood. 1985. *Idea Sejarah* (ter. Muhd Yusof Ibrahim). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- ¹⁶ E.H Carr, *op. cit.*, hlm. 17.
- ¹⁷ Henk Schulte Nordholt et. al., *op. cit.*, hlm. 1.
- ¹⁸ *Ibid.*, hlm. 2.
- ¹⁹ Benedict Anderson, *Imagined Communities*, Yogyakarta: INSIST, 2008, hlm. 6-11.
- ²⁰ Taufik Abdullah, *Nasionalisme dan Sejarah*, Bandung: Satya Historika, 2001, hlm. 49.
- ²¹ Hans Kohn, *Nasionalisme Arti dan Sejarahnya* (terj. Sumantri Mertodipuro), Jakarta: P.T Pembangunan, 1958, hlm. 11.
- ²² Sartono Kartodirdjo, *Pembangunan Bangsa tentang Nasionalisme, Kesadaran dan Kebudayaan Nasional*, Yogyakarta: Aditya Media, 1993, hlm. 3.
- ²³ Syed Husin Ali, *Menanam Semangat Nasionalisme Tulin Melalui Sastera*, Dewan Sastera, Ogos 1983, hlm. 3.
- ²⁴ Roff, M. C, *The Polities Belongings, The Political Change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: OUP, 1974, hlm. X-XI.
- ²⁵ Apabila membicarakan berkenaan nasionalisme di Tanah Melayu, perkembangannya dapat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu (i) agama, 1906-1925, (ii) sosio-ekonomi, 1926-1936 dan (iii) politik, 1937-1941. Pada tahap pertama, pergerakannya didasari oleh faktor keagamaan yang sangat menonjol. Walaupun pergerakannya digerakkan oleh golongan berpendidikan agama, namun kemunculan disebabkan kesedaran orang Melayu tentang kelemahan ekonomi mereka yang dimonopoli oleh orang asing. Namun, kesedaran tersebut secara ketepatan berlaku pada masa yang sama dengan kemunculan golongan refomis Islam dalam kalangan masyarakat Melayu. Justeru itu, perkara ini yang memungkinkan gerakan nasionalis awal di Tanah Melayu dipelopori oleh golongan agama yang terpengaruh dengan gerakan Turki Muda. Gerakan ini yang dipimpin oleh Sheikh Muhamad Abduh dan golongan Al-Manar di Kaherah, Mesir telah mempengaruhi pelajar dari Tanah Melayu dan Indonesia yang menuntut di Timur Tengah khususnya yang berada di Mesir. Kemunculan gerakan ini adalah untuk memperjuangkan konsep '*Pan Islamisme*' iaitu mengkehendaki pembentukan suatu bangsa berlandaskan kepada agama Islam dan kesatuan negara Islam yang bebas dari segala bentuk dan pengaruh penjajahan.
- ²⁶ Mohd Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 27.
- ²⁷ Untuk keterangan lanjut sila lihat K.G Tregonning. 1967. *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881-1963)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- ²⁸ Untuk keterangan lanjut sila lihat Roff, M. C. 1974. *The Polities Belongings, The Political Change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: OUP.
- ²⁹ Ahmad Adam, *Melayu, Nasionalisme Radikal dan Pembinaan Bangsa*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2014, hlm. 97.
- ³⁰ Sabihah Osman (a), Perkembangan Politik Sabah dalam Hairi Abdullah et. al., (ed.) *Sabah Perubahan dalam Pembangunan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986, hlm. 71.
- ³¹ Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 17.
- ³² Dipetik dalam penulisan Mohamad Jefri bin Haji Sabli, *Kajian Dan Pendokumentasian Sejarah Lisan Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Arkib Negara Brunei Darussalam dalam Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo: Ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Begawan: Brunei Darussalam, 2007, hlm. 153.
- ³³ Dalam konteks ini, surat-surat Zakaria Gunn sangat bermanfaat digunakan untuk merekonstruksi semula pergerakan politik Melayu di Sabah selepas Perang Dunia Kedua khususnya kemunculan PKM. Dokumen peribadi ini juga diperkayakan lagi melalui temubual yang dijalankan dengan beliau oleh beberapa sejarawan di Malaysia.

- ³⁴ CO537/4864, *Political Intelligence Report From North Borneo, 1949*, Issues No. 10, 7 June 1949.
- ³⁵ CO537/4864, *Political Intelligence Report From North Borneo, 1949*, Issues No. 8, 14 March 1949.
- ³⁶ Sebelum datang ke Pulau Labuan, Tengku Nordin bekerja di Syarikat British Malayan Petroleum Ltd sebagai Kerani. Ketika berada di Pulau Labuan beliau bekerja sebagai kakitangan kerajaan di Pejabat Akaun Labuan.
- ³⁷ Sabihah Osman (a), *Perkembangan Politik Sabah dalam Hairi Abdullah et. al. (ed.)*, *Sabah Perubahan dalam Pembangunan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986, hlm. 76; Sabihah Osman dan Nordi Achie, *Pelopor Persuratkhabaran Sarawak dan Tokoh-Tokoh Sosiobudaya – Persuratan Sabah dalam Abdul Rahman Ismail dan Mahani Musa (ed.), Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke-20*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hlm. 129; dan, Sabihah Osman (b), *Pembangunan Politik Sabah: Satu Penelusuran Sejarah, Kinabalu*, **Bil. 14**, 2008, hlm. 2.
- ³⁸ Surat Penolong Setiausaha PKM Labuan, Abu Bakar K. Ahmad kepada Setiausaha Agung PKMM pada 16 Jun 1946; Siti Aidah Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 164; dan, Sabihah Osman (b), *op. cit.*, hlm. 4.
- ³⁹ Surat Penolong Setiausaha PKM Labuan, Abu Bakar K. Ahmad kepada Setiausaha Agung PKMM pada 16 Jun 1946.
- ⁴⁰ Bersandarkan kepada laporan inteligent menyatakan bahawa sehingga bulan Februari 1949, pertubuhan ini masih belum didaftarkan dengan pihak pemerintah.
- ⁴¹ Surat Penolong Setiausaha PKM Labuan, Abu Bakar K. Ahmad kepada Setiausaha Agung PKMM pada 16 Jun 1946; dan, Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 76.
- ⁴² Surat Penolong Setiausaha PKM Labuan, Abu Bakar K. Ahmad kepada Setiausaha Agung PKMM pada 16 Jun 1946; Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 73; dan, Siti Aidah Lokin, *op. cit.*, hlm. 164.
- ⁴³ Surat Penolong Setiausaha PKM Labuan, Abu Bakar K. Ahmad kepada Setiausaha Agung PKMM pada 16 Jun 1946.
- ⁴⁴ CO537/4864, *Political Intelligence Report From North Borneo, 1949*, Issues No. 8, 14 March 1949; Surat PKML pada 10 Julai 1946; Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 78; dan, Siti Aidah Lokin, *op. cit.*, hlm. 164.
- ⁴⁵ Dalam jawatankuasa ini hanya Tengku Noordin yang sememangnya merupakan ahli PKM dari Semenanjung Tanah Melayu, tetapi selepas beberapa bulan mengetuai pertubuhan tersebut, beliau telah dipindahkan ke Daerah Jesselton. Pemergian beliau kemudiannya digantikan oleh Hassan Wahab sebagai Presiden PKML.
- ⁴⁶ Abu Bakar Ahmad merupakan kakitangan kerajaan di Jabatan Pertanian Labuan.
- ⁴⁷ Surat PKML bertarikh 10 Julai 1946. Walau bagaimanapun terdapat percanggahan maklumat dengan penulisan Sabihah Osman dan Aidah Lokin yang menyatakan ahli jawatankuasa pertama PKML terdiri daripada Tengku Noordin dilantik sebagai Yang Dipertua, Abu Bakar Ahmad sebagai Setiausaha dan Zakaria Gunn sebagai Penolong Setiausaha.
- ⁴⁸ Pengintip pihak kerajaan dalam PKML. Maklumat diperoleh hasil temubual Sabihah Osman dengan Zakaria Gunn pada bulan Januari 1982.
- ⁴⁹ Surat PKML pada 10 Julai 1946.
- ⁵⁰ Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 78; dan, Siti Aidah Lokin, *op. cit.*, hlm. 164.
- ⁵¹ Sabihah Osman (c), *Nasionalisme di Brunei, Sabah dan Sarawak* dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Nasionalisme dan Pembangunan di Malaysia, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains

- Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 15 November 1994, hlm. 78.
- ⁵² Sabihah Osman (c), *op. cit.*, hlm. 77-78.
- ⁵³ Siti Aidah Lokin, *op. cit.*, hlm. 164.
- ⁵⁴ Surat PKML pada 11 Ogos 1946; Surat Tengku Noordin, *Pemuda-Pemuda dan Pemudi-Pemudi Melayu Labuan* pada 20.8.1946; dan Surat daripada Syarikat PKML kepada Smith, Pegawai Daerah, Labuan pada 27 Ogos 1946.
- ⁵⁵ Surat daripada Setiausaha PKML kepada Residen British pada 23 Ogos 1946; dan, Surat Syarikat PKML kepada Smith, Pegawai Daerah Labuan pada 27 Ogos 1946.
- ⁵⁶ Sabihah Osman (b), *op. cit.*, hlm. 81; dan, Sabihah Osman dan Nordi Achie, *op. cit.*, hlm. 130.
- ⁵⁷ Surat Yang Dipertua PKML kepada Setiausaha PKML Labuan pada 10 September 1946; dan, Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 78.
- ⁵⁸ Surat Tengku Noordin, *Pemuda-Pemuda dan Pemudi-Pemudi Melayu Labuan* pada 20 Ogos 1946; dan Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 79; dan, Sabihah Osman (b), *op. cit.*, hlm. 4.
- ⁵⁹ Surat Tengku Noordin kepada Abu Bakar pada 22 Ogos 1946; Siti Aidah Lokin, *op. cit.*, hlm. 164; dan, Sabihah Osman (b), *op. cit.*, hlm. 4.
- ⁶⁰ Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 82.
- ⁶¹ CO537/4864, *Political Intelligence Report From North Borneo, 1949*, Issues No. 8, 14 March 1949.
- ⁶² Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 82.
- ⁶³ Surat Tengku Noordin kepada Abu Bakar pada 22 Ogos 1946.
- ⁶⁴ Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 79.
- ⁶⁵ Surat Tengku Noordin kepada ahli PKML pada 24 Ogos 1946.
- ⁶⁶ Mat Zin Mat Kib, Perjuangan ke Arah Kemerdekaan dan Penyatuan Negeri-Negeri Kawalan British Borneo, Seminar 50 Tahun Penubuhan Malaysia: Sejarah, Cabaran dan Masa Depan, 17-18 September 2013, hlm. 10; Ahmat Adam (a), *Melayu, Nasionalisme Radikal, Pembinaan Bangsa*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2014, hlm. 98; Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 83; Sabihah Osman (b), *op. cit.*, hlm. 4; dan, Siti Aidah Lokin, *op. cit.*, hlm. 164.
- ⁶⁷ Ahmat Adam, *op. cit.*, hlm. 96.
- ⁶⁸ CO537/4864, *Political Intelligence Report From North Borneo, 1949*, Issues No. 8, 14 March 1949; dan, Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 83.
- ⁶⁹ Siti Aidah Lokin, *op. cit.*, hlm. 164; dan, Ahmat Adam, *op. cit.*, hlm. 96.
- ⁷⁰ Siti Aidah Lokin, *op. cit.*, hlm. 164; dan, Ahmat Adam, *op. cit.*, hlm. 96.
- ⁷¹ Ahmat Adam (b), The Genesis of Socio-Political Consciousness in Sabah dalam Piyanart Bunnag *et. al.*, (Eds.), *Europe-Southeast Asia in the Contemporary World: Mutual Images and Reflections 1940s-1960s*, Asia-Europe Studies Series, Nomos Verlags Gessel-Schaft Baden-Baden, 2000, Vol. 6, hlm. 222.
- ⁷² Abdullah Awang, *Tawau: Sejarah dan Keunikannya*, Kota Kinabalu: A2 Publication sdn. Bhd, 2014, hlm. 132; dan, Siti Aidah Lokin, *op. cit.*, hlm. 166.
- ⁷³ *Ibid.*
- ⁷⁴ Temubual Ahmat Adam dengan Datuk Ampong Kerahu pada bulan Ogos 1998.
- ⁷⁵ Ahmat Adam (a), *op. cit.*, hlm. 99.
- ⁷⁶ *Ibid.*
- ⁷⁷ Abdullah Awang, *op. cit.*, hlm. 193.
- ⁷⁸ Surat Zakaria Gunn kepada Cikgu Salleh [BARIP Brunei] pada 10 September 1946.
- ⁷⁹ Surat Ajmain A. Razak kepada Setiausaha PKML pada 18 September 1946.

- ⁸⁰ Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 84.
- ⁸¹ Surat ucapan dalam temasya pembukaan rumah Barisan Pemuda, Labuan pada tahun 1947; dan, Sabihah Osman dan Nordi Achie, *op. cit.*, hlm. 130.
- ⁸² Surat Setiausaha PKML kepada Setiausaha BARIP Jesselton pada 4 Januari 1947.
- ⁸³ Surat Tengku Noordin berkenaan pemberitahuan kepada ahli-ahli PKML.
- ⁸⁴ Surat Setiausaha PKMJ kepada Konsulat Republik China, Jesselton pada 7 Januari 1947.
- ⁸⁵ Surat Zakaria Gunn kepada Tengku Noordin pada 14 Januari 1947; dan, Surat Setiausaha PKMJ kepada Setiausaha BARIP Jesselton pada 4 Januari 1947.
- ⁸⁶ Surat Tengku Noordin kepada Zakaria Gunn pada 8 April 1947.
- ⁸⁷ Surat Tengku Noordin kepada Zakaria Gunn pada 14 Februari 1947.
- ⁸⁸ Surat Tengku Noordin berkenaan peringatan kepada ahli-ahli PKML.
- ⁸⁹ Surat Tengku Noordin berkenaan peringatan kepada ahli-ahli PKML.
- ⁹⁰ Surat Tengku Noordin kepada Zakaria Gunn pada 14 Februari 1947.
- ⁹¹ Surat Zakaria Gunn kepada Tengku Noordin pada 22 Februari 1947.
- ⁹² *Ibid.*
- ⁹³ Surat Zakaria Gunn kepada Awangku Amat pada 29 Januari 1947.
- ⁹⁴ Minit mesyuarat Parti Kebangsaan Melayu Labuan pada 2 Februari 1947.
- ⁹⁵ Surat Yang Dipertuan PKML kepada Pegawai Daerah pada 25 Februari 1947.
- ⁹⁶ *Ibid.*
- ⁹⁷ Minit mesyuarat Parti Kebangsaan Melayu Labuan pada 7 Mac 1947.
- ⁹⁸ Minit mesyuarat Parti Kebangsaan Melayu Labuan pada 3 Disember 1947; Minit mesyuarat Parti Kebangsaan Melayu Labuan pada 7 Mac 1947; Memo yang dikeluarkan oleh Setiausaha PKML meminta untuk mengadakan mesyuarat di Kampung Gersik pada 20 Disember 1947; dan, Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 83.
- ⁹⁹ Berdasarkan surat-surat antara Zakaria Gunn dan ahli-ahli PKML, menyatakan bahawa maklumat ini diperoleh daripada Mohamad Zui bin Mohamad iaitu salah seorang ahli PKML dari Kampung Gersik, Labuan.
- ¹⁰⁰ Surat Hussien Hassan, Mohamad Othman dan Dahlan Othman kepada Zakaria Gunn pada 29 April 1947; dan, Surat Zakaria Gunn kepada Hussien Hassan, Mohamad Othman dan Dahlan Othman pada 30 April 1947
- ¹⁰¹ Surat Hassan Jumaat kepada Zakaria Gunn pada 1 Mei 1947.
- ¹⁰² Surat mereka kemudiannya telah dibalas oleh Zakaria Gunn pada 14 Ogos 1947 yang menyatakan bahawa pertubuhan tidak menghalang kehendak mereka. Untuk keterangan lanjut sila lihat surat Hassan Wahid dan Lakis Birodim kepada Zakaria Gunn pada 12 Ogos 1947.
- ¹⁰³ Surat Mayasni Maroli dan Dollah Sahat kepada Zakaria Gunn pada 12 Ogos 1947. Surat mereka kemudiannya telah dibalas oleh Zakaria Gunn pada 14 Ogos 1947 yang menyatakan bahawa pertubuhan tidak menghalang kehendak mereka
- ¹⁰⁴ Surat Zakaria Gunn kepada Hassan Jumaat dan Hussien Hasan pada 2 Mei 1947.
- ¹⁰⁵ Salah satu koleksi surat Zakaria Gunn tanpa tajuk dan tarikh yang memerihalkan berkenaan sejarah penubuhan dan pembubaran PKML.
- ¹⁰⁶ Salah satu koleksi surat Zakaria Gunn tanpa tajuk dan tarikh yang memerihalkan berkenaan sejarah penubuhan dan pembubaran PKML; dan, Sabihah Osman (b), *op. cit.*, hlm. 4.
- ¹⁰⁷ Siti Aidah Lokin, *op. cit.*, hlm. 166; dan, Ahmat Adam, *op. cit.*, hlm. 99.
- ¹⁰⁸ Sabihah Osman (a), *op. cit.*, hlm. 84.

Rujukan

- E.H Carr. 1988. *Apakah Sejarah* (terj. Ab. Rahman Ismail). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Awang. 2014. *Tawau: Sejarah dan Keunikannya*. Kota Kinabalu: A2 Publication Sdn. Bhd.
- Ahmat Adam (a). 2014. *Melayu, Nasionalisme Radikal, Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmat Adam (b). The Genesis of Socio-Political Consciousness in Sabah dalam Piyanart Bunnag *et. al.* (Eds). 2000. *Europe-Southeast Asia in the Contemporary World: Mutual Images and Reflections 1940s-1960s*. Asia-Europe Studies Series, Nomos Verlags Gessel-Schaft Baden-Baden. Vol. 6.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2002. *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asvi Warman Adam. Pengantar: Sejarah Lisan di Asia Tenggara: Teori dan Metod dalam Asvi Warman Adam. 2000. *Sejarah Lisan di Asia Tenggara: Teori dan Metod*, Jakarta: Pustaka LP3ES.
- Benedict Anderson. 2008. *Imagined Communities*. Yogyakarta: INSIST.
- CO537/4864. *Political Intelligence Report From North Borneo, 1949*, Issues No. 10, 7 June 1949.
- CO537/4864. *Political Intelligence Report From North Borneo, 1949*, Issues No. 8, 14 March 1949.
- Dudung Abdurahman. 2007. *Metodologi Penelitian Sejarah*. Jogjakarta: Ar-Ruzz Media Group.
- Gilbert J. Garraghan S.J. 1957. *A Guide to Historical Method*. New York: Fordham University Press.
- Henk Schulte Nordholt *et. al.* *Memikir ulang histiografi Indonesia* dalam Henk Schulte Nordholt *et. al.* 2013. *Perspektif Baru Penulisan Sejarah Indonesia*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia-KITLV.
- K.G Tregonning. 1967. *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881-1963)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Kwa Chong Guan. 1991. *Oral History in the Making of Our Memories and Heritage* dalam ASEAN Colloquium on Oral History, Oral History: The ASEAN Experience.
- Louis Gottschalk. 1950. *Understanding History: A Primer of Historical Method*. New York: University of Chicago Press.
- Mat Zin Mat Kib. 2013. Perjuangan ke Arah Kemerdekaan dan Penyatuan Negeri-Negeri Kawalan British Borneo. Seminar 50 Tahun Penubuhan Malaysia: Sejarah, Cabaran dan Masa Depan.
- Memo yang dikeluarkan oleh Setiausaha PKML meminta untuk mengadakan mesyuarat di Kampung Gersik pada 20 Disember 1947.
- Minit mesyuarat Parti Kebangsaan Melayu Labuan pada 2 Februari 1947.

- Minit mesyuarat Parti Kebangsaan Melayu Labuan pada 3 Disember 1947.
- Minit mesyuarat Parti Kebangsaan Melayu Labuan pada 7 Mac 1947.
- Minit mesyuarat Parti Kebangsaan Melayu Labuan pada 7 Mac 1947.
- Mohamad Jefri bin Haji Sabli. 2007. *Kajian Dan Pendokumentasian Sejarah Lisan Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Arkib Negara Brunei Darussalam dalam Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo: Ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa*. Bandar Seri Begawan: Brunei Darussalam.
- Mohd Salleh Lamry. 2009. *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- R.G Collingwood. 1985. *Idea Sejarah* (terj. Muhd Yusof Ibrahim). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhsin Yusuf Ibrahim (a). 1986. *Pengertian Sejarah: Beberapa Perbahasan Mengenai Teori dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhiddin Yusin. 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paul Thompson. 1988. *The Voice of the Past*. New York: Oxford University Press.
- Rebecca Sharpless. *The History of Oral History* dalam Thomas L. Charlton *et. al.* (ed). 2007. *History of Oral History: Foundations and Methodology*. United Kingdom: ALTAMIRA Press.
- Roff, M. C. 1974. *The Polities Belongings, The Political Change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: OUP.
- Sabihah Osman (a). Perkembangan Politik Sabah dalam Hairi Abdullah *et. al.* (ed). 1986. *Sabah Perubahan dalam Pembangunan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabihah Osman (b). 2008. Pembangunan Politik Sabah: Satu Penelusuran Sejarah. *Kinabalu. Bil. 14*.
- Sabihah Osman (c). 1994. *Nasionalisme di Brunei, Sabah dan Sarawak* dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Nasionalisme dan Pembangunan di Malaysia. Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Sabihah Osman dan Nordi Achie. Pelopor Persuratkhabaran Sarawak dan Tokoh-Tokoh Sosiobudaya – Persuratan Sabah dalam Abdul Rahman Ismail dan Mahani Musa (ed). 2011. *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke-20*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Salah satu koleksi surat Zakaria Gunn tanpa tajuk dan tarikh yang memerlukan berkenaan sejarah penubuhan dan pembubaran PKML.
- Sartono Kartodirdjo. 1993. *Pembangunan Bangsa tentang Nasionalisme, Kesadaran dan Kebudayaan Nasional*. Yogyakarta: Aditya Media.
- Surat Setiausaha PKML kepada Residen British pada 23 Ogos 1946.
- Siti Aidah Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Sumantri Mertodipuro. 1958. *Nasionalisme Arti dan Sejarahnya* (terj). Jakarta: P.T Pembangunan.

- Surat Ajmain A. Razak kepada Setiausaha PKML pada 18 September 1946.
- Surat Hassan Jumaat kepada Zakaria Gunn pada 1 Mei 1947.
- Surat Hassan Wahid dan Lakis Birodim kepada Zakaria Gunn pada 12 Ogos 1947.
- Surat Hussien Hassan, Mohamad Othman dan Dahlan Othman kepada Zakaria Gunn pada 29 April 1947.
- Surat Mayasni Maroli dan Dollah Sahat kepada Zakaria Gunn pada 12 Ogos 1947.
- Surat Penolong Setiausaha PKM Labuan. Abu Bakar K. Ahmad kepada Setiausaha Agung PKMM pada 16 Jun 1946.
- Surat PKML bertarikh 10 Julai 1946.
- Surat Setiausaha PKMJ kepada Konsulat Republik China, Jesselton pada 7 Januari 1947.
- Surat Setiausaha PKMJ kepada Setiausaha BARIP Jesselton pada 4 Januari 1947.
- Surat Setiausaha PKML kepada Setiausaha BARIP Jesselton pada 4 Januari 1947.
- Surat Tengku Noordin berkenaan pemberitahuan kepada ahli-ahli PKML.
- Surat Tengku Noordin berkenaan peringatan kepada ahli-ahli PKML.
- Surat Tengku Noordin kepada Abu Bakar pada 22 Ogos 1946.
- Surat Tengku Noordin kepada ahli PKML pada 24 Ogos 1946.
- Surat Tengku Noordin kepada Zakaria Gunn pada 14 Februari 1947.
- Surat Tengku Noordin kepada Zakaria Gunn pada 8 April 1947.
- Surat Tengku Noordin. *Pemuda-Pemuda dan Pemudi-Pemudi Melayu Labuan* pada 20 Ogos 1946.
- Surat ucapan dalam temasya pembukaan rumah Barisan Pemuda, Labuan pada tahun 1947.
- Surat Yang Dipertuan PKML kepada Pegawai Daerah pada 25 Februari 1947.
- Surat Zakaria Gunn kepada Awangku Amat pada 29 Januari 1947.
- Surat Zakaria Gunn kepada Cikgu Salleh [BARIP Brunei] pada 10 September 1946.
- Surat Zakaria Gunn kepada Hassan Jumaat dan Hussien Hasan pada 2 Mei 1947.
- Surat Zakaria Gunn kepada Hussien Hassan, Mohamad Othman dan Dahlan Othman pada 30 April 1947.
- Surat Zakaria Gunn kepada Tengku Noordin pada 14 Januari 1947.
- Surat Zakaria Gunn kepada Tengku Noordin pada 22 Februari 1947.
- Syarikat PKML kepada Smith. Pegawai Daerah Labuan pada 27 Ogos 1946.
- Syed Husin Ali. Ogos 1983. *Menanam Semangat Nasionalisme Tulin Melalui Sastera*. Dewan Sastera.
- Taufik Abdullah. 2001. *Nasionalisme dan Sejarah*. Bandung: Satya Historika.
- Temubual Ahmat Adam dengan Datuk Ampong Kerahu pada bulan Ogos 1998.
- William W. Moss dan Peter C. Mazikana. 1986. *Archives, Oral History and Oral Tradition a RAMP study*. Paris: United Nations Educational Scientific and Cultural Organization.